

Laporan Tahunan

2016



فريڤادان ڪامajuan نڪري فريڤاد
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak



Penggerak **Kemajuan**
dan **Pembangunan**
Negeri Perak

Laporan Tahunan

2016



فريڤادان ڪامajuan نڪري فريڤاد
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak



Penggerak **Kemajuan**
dan **Pembangunan**
Negeri Perak



فريڊانن ڪماڄوان نڪري فيراق
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.... Asas Perhubungan

*"...statutory authorities have been created to combine certain principles namely, **public ownership**, a broad but not too detailed public accountability, a **consciousness that they are working in national interest**, together with the liveliness and initiatives which are associated with enterprising and progressive business concerns. Their existence is justified only if they have in fact carried out **national objectives** combined at the same time, because of the relative freedom they enjoy in day-to-day management, **with good business practice...**"*

Allahyarham
YAB Tun Abdul Razak bin Hussein,
Perdana Menteri Malaysia
Berhubung Penubuhan Badan-badan Berkanun
Kerajaan di Malaysia





فريڊانن ڪماڄوان نڪري فبراق
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

PROFIL KORPORAT

Misi, Visi & Objektif	004
Piagam Pelanggan	005
Teras Strategi	006

MAKLUMAT KORPORAT

Ahli Lembaga Pengarah	007
Pengurusan Kanan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	008



KANDUNGAN

Carta Organisasi	009
Struktur Organisasi	010

PERUTUSAN Pengerusi	011
----------------------------	------------

LAPORAN AKTIVITI PENGURUSAN DAN PRESTASI KUMPULAN PKNP BAGI TAHUN 2016

1.0 Kemajuan Halatuju Korporat Sehingga Tahun 2016	017
2.0 Senario Ekonomi dan Persekitaran Perniagaan	021
3.0 Aktiviti Korporat	021
4.0 Program-program bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi Negeri	024
5.0 Peranan Sebagai Agensi Pembangunan Usahawan	039
6.0 Peranan Sebagai Pemegang Amanah	045
7.0 Program Tanggungjawab Sosial (CSR) Kumpulan PKNP	046
8.0 Laporan Sumber Manusia	048
9.0 Prospek Masa Depan	051
10.0 Penghargaan	052

DIARI KORPORAT 2016	053
----------------------------	------------

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016	065
--	------------

PROFIL KORPORAT



فریدانن کما جوان نكزي فيراق
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

(Perak State Development Corporation)

No.1-A, Blok A, Menara PKNP, Jalan Meru Casuarina,
Bandar Meru Raya, 30020, Ipoh,

Perak Darul Ridzuan, Malaysia

Tel (605) 5019888 Faks (605) 5019999

www.pknpgroup.com.my

Penubuhan

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK ditubuhkan melalui Enakmen Bil. 3/1967 dan berkembang sebagai Perbadanan Induk yang berdikari dengan visi, misi dan objektif seperti berikut : -

Perancangan Visi

Visi

PKNP bertekad untuk menjadi sebuah agensi kemajuan negeri yang dinamik, berdaya maju dan bersifat global serta menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan sosio-ekonomi negeri.

Misi

Memenuhi peranan yang dipertanggungjawabkan kepada PKNP seperti berikut:-

- Sebagai Penggerak Pertumbuhan Ekonomi Negeri.
- Sebagai Pemegang Amanah Ekonomi bagi pihak Bumiputera.
- Membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Objektif Organisasi

- Membantu meningkatkan pembangunan sektor ekonomi negeri menerusi penggalakan pelaburan dan penerokaan bidang-bidang baru.
- Membantu pembangunan wilayah menerusi aktiviti pembangunan perindustrian, bandar baru dan pekan kecil.
- Meningkatkan prestasi pelaburan menerusi pengukuhan dan penyenaraian syarikat di Bursa Saham.
- Melaksanakan fungsi sebagai agensi amanah dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan.
- Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi berdaya maju.
- Mewujudkan budaya korporat dan berintegriti di kalangan warga kerja.

Piagam Pelanggan

1. Kepada Semua Pelanggan

Kami komited menyebarkan informasi aktiviti-aktiviti utama kami kepada semua pelanggan melalui saluran capaian sedia ada.

2. Kepada Pelabur

Kami komited dan sedia mengalu-alukan para pelabur mencari peluang pelaburan di Negeri Perak. Kami berusaha untuk:-

- Menyediakan suasana pelaburan yang kondusif untuk bertapak di Negeri Perak.
- Memudahcara capaian peluang-peluang sumber, infrastruktur dan perkhidmatan.
- Menyokong pembangunan projek-projek berimpak tinggi.
- Kami akan memastikan pelabur berpotensi memperoleh maklumat pelaburan dalam tempoh 2 bulan bagi mengukuh komitmen mereka.

3. Kepada Pelanggan Produk dan Perkhidmatan Kami

Kami bertekad memasti pelaksanaan projek-projek pembangunan menepati syarat-syarat perjanjian, prosedur dan proses yang telus dan mudah difahami.

4. Kepada Usahawan

Kami bertekad memastikan pelaksanaan program-program pembangunan keusahawanan berterusan, sebagai perangsang dan memberi peluang kepada usahawan dan bakal usahawan, sekurang-kurangnya tiga kali setahun.

5. Kepada Kerajaan dan Lain-Lain Agensi Kerajaan

Kami komited untuk bekerjasama dengan Kerajaan dan lain-lain agensi Kerajaan bagi memastikan polisi serta pencapaian objektif Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tercapai.

6. Kepada Badan-Badan Berkanun

Kami bertekad untuk menyedia, menyokong dan menyalurkan informasi serta perkhidmatan yang saling memberi manfaat bersama.

7. Kepada Pembekal dan Kontraktor

Kami komited untuk bekerjasama dengan pembekal dan kontraktor yang dilantik bagi memastikan pelaksanaan perkhidmatan berjalan lancar dan menepati masa serta memastikan pembayaran perkhidmatan diselaraskan dalam tempoh yang ditetapkan.



Teras Strategi

Sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi negeri:

- Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi.
- Merangsangkan pembangunan sektor-sektor ekonomi yang berdaya maju.
- Memperkukuhkan sistem penyampaian dan penggalakkan pelaburan.

Sebagai pemegang amanah ekonomi bagi pihak Bumiputera :

- Mewujudkan aset amanah yang berkualiti, mampan dan berdaya maju.
- Menyeimbangkan pemilikan aset perniagaan kepada Bumiputera.

Membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB):

- Proses pembangunan modal insan melalui pembudayaan dan bimbingan.
- Wujudkan suasana yang kondusif kepada usahawan Bumiputera daripada aspek sistem penyampaian kerajaan, aksesibiliti kepada pasaran, teknologi, sumber pengeluaran dan peluang-peluang perniagaan.

- Memberi ruang dan peluang daripada sektor-sektor ekonomi yang strategik, berdaya maju dan mampan.
- Memperbanyakkan program-program pembangunan keusahawanan.

Menjadikan organisasi yang berdaya maju berteraskan kepada kreativiti dan inovasi, berdikari, bersifat global serta berintegriti:

- Aktiviti-aktiviti perniagaan yang menyokong pertumbuhan ekonomi atau memenuhi keperluan pertumbuhan ekonomi serta menjadi aset berkualiti dan mampan.
- Penerokaan sektor-sektor perniagaan yang strategik dan menguntungkan dengan penumpuan kepada sektor-sektor seiring dengan dasar-dasar kerajaan semasa.
- Pendekatan penyertaan aktiviti baru berdasarkan kekuatan dan perencanaan daripada sumber yang ada.
- Mewujudkan struktur pengurusan yang berkesan dinamik dan mampu berkeadaan bersifat global serta mampu menyesuaikan dengan perubahan dan persekitaran.
- Pembangunan modal insan yang kreatif, mempunyai budaya pengurusan yang produktif dan memenuhi matlamat yang ditetapkan dan berintegriti.



MAKLUMAT KORPORAT

Ahli Lembaga Pengarah



Berdiri dari kiri

YBHG. DATUK YOGESVARAN A/L KUMARAGURU

P.K.T., K.M.N.

Timbalan Ketua Pengarah (Makro)
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri

YBHG. DATO' SYED MOKHTAR BIN SYED IDDRIS

D.P.M.P., P.C.M., A.C.M., P.P.T

Pengarah Tanah dan Galian Perak Darul Ridzuan

CIK NORMAH BINTI OSMAN

Pengarah Kanan,
Bahagian Perdagangan Dan Ekonomi Dua Hala,
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI)

YB DATUK AMINUDDIN BIN MD HANAFIAH

D.M.S.M.

Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Hulu Kinta

YBHG. DATUK WIRA AZHAR BIN ABDUL HAMID

D.P.T.J.

Ketua Pegawai Eksekutif
MRT Corporation Sdn. Bhd.

ENCIK HUZAINI BIN RAMLI (Tiada dalam gambar)

Ketua Penolong Pengarah Belanjawan,
Sektor Ekonomi & Industri,
Pejabat Belanjawan Negara

Duduk dari kiri

YB DATO' HJ MOHD. GAZALI BIN JALAL

D.P.C.M., D.P.M.P., P.C.M., A.M.P.

Pegawai Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan

YB DATO' SERI ABDUL PUHAT BIN MAT NAYAN

S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., K.M.N., P.M.P., A.M.P., P.P.T.

Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

Y.A.B DATO' SERI DIRAJA DR ZAMBRY ABD KADIR

(Pengerusi)

S.P.S.A., S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., P.A.T., A.M.S.

Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

Merangkap Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

YB DATO' ROHANA BINTI ABD. MALEK

D.P.C.M., K.M.N.

Penasihat Undang-Undang Negeri Perak Darul Ridzuan

YB DATO' MOHAMMAD ZAHIR BIN ABDUL KHALID

D.P.C.M., A.M.P.

Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan
Pembangunan Koridor

PENGURUSAN KANAN



Dari kiri

SAYED SHARIFFUDDIN BIN SAYED SHAMSHUDDIN

A.M.N., A.M.P.

Timbalan Ketua Eksekutif (Perkhidmatan Korporat)

DATO' AMINUDDIN BIN MD. DESA

D.S.D.K.

Ketua Eksekutif


JAMAL BIN MOHD. ARIS

Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi Perniagaan)

ROZAHAN BIN OSMAN

Ketua Pegawai Kewangan

CARTA ORGANISASI



STRUKTUR ORGANISASI



فريڤدانن كمajuan نكزي فبراق
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak



- Tersenarai di Bursa Malaysia
- Tidak Tersenarai di Bursa Malaysia

PERUTUSAN PENGGERUSI PKNP

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Perak Amanjaya.

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T di atas ruang dan peluang yang diberi bagi menyampaikan perutusan Laporan Tahunan 2016. Laporan ini merupakan penterjemahan pencapaian komprehensif Kumpulan PKNP sebagai agensi penggerak utama ekonomi Negeri Perak Darul Ridzuan dalam projek-projek dan aktiviti-aktiviti pembangunan negeri yang telah dapat direalisasikan sebaik mungkin.

Pada tahun ini, kelembapan ekonomi dunia, kerencaman dalam nilai ringgit dan aliran harga komoditi yang tidak menentu memberi cabaran kepada PKNP bagi merealisasikan misi dan visi pada tahun ini. Berpegangan kepada amanah yang telah diberi bagi membangunkan ekonomi dan sosioekonomi Negeri Perak, usaha yang gigih, produktif dan kreatif telah diterapkan agar pengurusan PKNP menjadi lebih efisien.

PKNP mengambil pendekatan dengan menekankan aspek pertanggungjawaban, keberkesanan pengurusan dan kecekapan operasi bagi memupuk keperluan untuk memperkukuhkan warga kerjanya melalui pencapaian budaya berprestasi tinggi. Penggabungan budaya berprestasi tinggi dan pemanfaatan ke atas sumber asli di negeri ini akan mempercepatkan pembangunan Negeri Perak daripada segi ekonomi dan sosioekonomi yang ideal ke tahap baru yang lebih tinggi.

Tumpuan PKNP dalam Pelan Strategik Kumpulan PKNP tahun 2014 hingga 2018 masih adalah pada 3 sektor utama iaitu Pembangunan Hartanah, Pelabuhan & Logistik serta Hospitaliti & Pelancongan. Pelbagai projek telah dilaksanakan dan keseluruhannya berjalan seperti yang dirancang seperti projek Perumahan Mampu Milik dan Pembangunan Semula Pekan-Pekan Kecil bagi membantu Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Pelan Pembangunan Perak Amanjaya dan Wawasan 2020.



Y.A.B DATO' SERI DIRAJA DR ZAMBRY ABD KADIR
S.P.S.A., S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., P.A.T., A.M.S.
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

Bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah PKNP, saya ingin mengucapkan tahniah dan saya dengan berbesar hati membentangkan Laporan Tahunan dan Laporan Kewangan PKNP bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

Prestasi Kewangan

PKNP telah mencatatkan peningkatan pendapatan kepada RM45.6 juta daripada RM31.5 juta dalam tempoh 12 bulan berakhir 31 Disember 2016. Pendapatan PKNP terdiri daripada penjualan tanah, terimaan hasil sewaan dan dividen yang diterima daripada syarikat subsidiari, Majuperak Holdings Berhad. Kumpulan PKNP pula telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM221.1 juta bagi tempoh 12 bulan berakhir 31 Disember 2016 berbanding RM164.7 juta dalam tempoh yang sama pada tahun lepas. Pendapatan bagi tahun 2016 diperolehi melalui penjualan tanah, aktiviti pelabuhan kargo, operasi perhotelan, pendapatan pengurusan projek dan penyewaan premis perniagaan. Kumpulan PKNP telah mencatat keuntungan sebelum



cukai sebanyak RM9.5 juta berbanding RM99.7 juta pada tahun 2015. Penurunan mendadak ini adalah disebabkan oleh perbelanjaan pra-operasi Taman Tema Animasi (MAPS) oleh syarikat Animation Theme Park Sdn Bhd (ATP) apabila ATP disatukan dalam Kumpulan PKNP berikutan statusnya menjadi syarikat subsidiari berkuatkuasa pada 8 April 2016. MAPS telah dibuka secara berperingkat kepada orang awam bermula pada 26 Jun 2017. Kumpulan Perbadanan telah merekodkan kerugian bersih sebanyak RM7.6 juta berbanding keuntungan bersih RM78.6 juta untuk tahun sebelumnya. Keuntungan tinggi pada tahun 2015 adalah yang disumbangkan oleh keuntungan daripada pelupusan saham Integrax Berhad.

Perak Corporation Berhad (PCB) kekal sebagai penyumbang tertinggi bagi Kumpulan PKNP dengan menyumbang lebih 66% daripada hasil keseluruhan Kumpulan dalam tempoh tersebut. Berdasarkan segmen perniagaan, Pelabuhan dan Logistik menyumbang kira-kira 44% daripada jumlah hasil manakala sektor hartanah menyumbang kira-kira 39% daripada hasil Kumpulan PKNP.

PKNP telah berjaya memperolehi Sijil Bersih tanpa sebarang pemerhatian daripada Jabatan Audit Negara ke atas Laporan Kewangan PKNP berakhir pada 31 Disember 2016.

Tadbir Urus Korporat



Kumpulan PKNP kini telah bergerak sebagai satu kumpulan di dalam struktur operasi yang lebih bersepadu dan telus. Struktur tadbir urus juga diperkemas lagi dengan penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) pada Julai 2015 selain meneruskan program *Culture Transformation Programme (CTP)* – “Moh Kite - Change The Landscape”. *Employee Commitment Index (ECI)* diceraip secara berkala sebagai penanda aras bagi menilai keberkesanan inisiatif CTP.

Kumpulan PKNP juga turut komited dalam memberi tumpuan kepada pelaksanaan *Competency Based Assessment (CBA)* bagi pekerja di peringkat Eksekutif. Model CBA ini berdasarkan ciri-ciri keperibadian yang ada pada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fathanah. Tahap kompetensi individu yang dinilai ini bakal menjadi kayu ukur bagi mengenalpasti kemahiran dan jurang kecekapan yang sedia ada dalam menyediakan program profesional dan latihan berdasarkan kepada pelan pembangunan individu tersebut.

Pembangunan Bandar Meru Raya (BMR)

Kumpulan PKNP meneruskan iltizam untuk memajukan produk-produk pelancongan di Bandar Meru Raya (BMR) dengan pembinaan sebuah taman tema berasaskan animasi iaitu Movie Animation Park Studios (MAPS). PKNP melalui Perak Corporation Berhad (PCB) telah mengambil alih pegangan majoriti syarikat Animation Theme Park Sdn Bhd (ATP) pada bulan April 2016. PCB telah membuat kajian semula dan menghasilkan beberapa inisiatif penambahbaikan bagi menepati kehendak pasaran semasa. Inisiatif kajian dan penambahbaikan ini adalah untuk menjadikan MAPS sebagai sebuah destinasi pelancongan utama sekaligus sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri pelancongan di Lembah Kinta khususnya dan Negeri Perak amnya. MAPS dijangka siap pada Disember 2016 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM547 juta.

Projek MAPS ini akan disokong dengan pembangunan di sekitarnya seperti taman rekreasi awam, premis makanan dan minuman, hotel bertaraf 5 bintang, *service apartment* dan Restoran Rumah Tradisional Melayu yang berasaskan Rumah Kutai & Rumah Melayu Perak di kawasan seluas 77 ekar berhampiran dengan Pusat Konvensyen Amanjaya dan Hotel Casuarina@Meru. Kos pembangunan projek ini dianggarkan RM2.0 bilion yang dijangka mengambil masa selama 5 tahun untuk disiapkan.

Kumpulan PKNP juga telah menyiapkan sebuah taman rekreasi awam moden yang memiliki ciri-ciri *state of the art* di kawasan seluas 18 ekar. Ia juga merupakan sebahagian kawasan ‘Green Lung’ bagi Bandar Meru Raya. Taman rekreasi yang bernilai RM16 juta ini dikenali sebagai Bulatan Amanjaya telah dibuka kepada orang ramai pada 25 November 2016. Bulatan Amanjaya ini menyediakan kemudahan-kemudahan seperti *carnival/festival walk, amphitheatre, wading pool, children playground*, kawasan bagi aktiviti papan selaju, pentas terbuka, kawasan berjoging dan kawasan parker.



Pembangunan Koridor Ekonomi Wilayah Perak Selatan (WPS)



Inisiatif pembangunan Wilayah Perak Selatan (WPS) adalah suatu perancangan holistik dan komprehensif yang dilaksanakan dalam mewujudkan projek-projek utama yang bakal memberi impak positif kepada pembangunan sosioekonomi setempat.

Bagan Datoh Water City (BDWC) antara projek utama di bawah pembangunan WPS. Ia adalah pembangunan bercampur berkonsepkan hijau dan mampan di kawasan seluas kira-kira 4,100 ekar dan terletak kira-kira 8 km dari Pekan Bagan Datoh. Projek ini juga akan menyokong pembangunan Perak Heavy Industrial Park (PHIP), iaitu sebuah pembangunan perindustrian berintegrasi yang turut dibangunkan di daerah tersebut.

Fasa 1 BDWC ini akan dibangunkan dengan 15 buah projek institusi kerajaan iaitu Kompleks Pentadbiran Daerah Bagan Datoh, Kompleks Pejabat Kerajaan Persekutuan, Masjid Daerah, Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan, Perumahan FELCRA, Hotel Seri Malaysia, Ibu Pejabat Polis Daerah, Balai Bomba, Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Projek Perumahan Rakyat, Kem Askar Wataniah, Pusat Latihan Khidmat Negara, RELA, Pusat Kesihatan dan Institut Latihan Perindustrian. Fasa Pembangunan BDWC akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam, pembangunan komersial, sistem pengangkutan awam dan jaringan kawasan hijau yang akan menjadikan BDWC sebagai sebuah perbandaran baru dengan identiti yang unik. Selain itu, pembangunan perumahan khususnya perumahan mampu milik menjadi sebahagian besar dalam pembangunan di BDWC.

Hospitaliti dan Pelancongan

Kesinambungan bagi pembangunan hospitaliti dan pelancongan diteruskan oleh PKNP bagi mentransformasikan Rumah-rumah Rehat di Negeri Perak. Lanai Casuarina @ Cempaka Sari, Parit telah siap pada 30 Jun 2017 dan kini telah beroperasi sepenuhnya.

Sementara itu, bagi Rumah Rehat Kuala Kangsar dan Rumah Rehat Teluk Intan masing-masing dijangka siap pada suku ke-3 tahun 2019. Bagi Rumah Rehat Teluk Intan apabila siap kelak ia akan dinaiktarafkan kepada hotel 4 bintang yang dikenali sebagai Hotel Casuarina @ Teluk Intan.



Rumah Rehat Kerajaan Negeri Perak, Pulau Pangkor

PKNP juga turut dipertanggungjawabkan untuk mengambil alih operasi Rumah Rehat Kerajaan Negeri (RRKN) di Teluk Dalam, Pulau Pangkor dan Pasir Salak Eco-Resort (PSER) di Kampung Gajah. Kerja-kerja menaiktaraf RRKN telah bermula pada 18 Oktober 2016 dan siap pada 30 Disember 2016. RRKN dan PSER akan dikendalikan oleh Pengurusan Hotel Casuarina dan Lanai.

Pelabuhan dan Logistik



Rang Undang-Undang Enakmen Pengurusan Pesisir Pantai Negeri Perak 2016 telah diluluskan semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Perak yang Ketiga Belas Perak Darul Ridzuan yang bermula dari 12 hingga 18

April 2016. Enakmen ini telah mendapat perkenan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan pada 23 Jun 2016.

Sebelum adanya Enakmen Pesisir Pantai 2016, Negeri Perak tidak mempunyai satu badan khusus mahupun perundangan yang berkaitan dengan pengurusan dan pengawalseliaan pembangunan dan aktiviti-aktiviti di sepanjang pesisir pantai Perak.



Majlis Pengurusan Pesisir Pantai Perak (MP4) telah ditubuhkan secara rasmi dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 13 Julai 2016. Penubuhan MP4 di bawah enakmen ini adalah sebagai satu mekanisme untuk menyelaraskan pembangunan dan pengurusan aktiviti dan perkhidmatan di kawasan pesisir pantai Negeri Perak. Mesyuarat MP4 yang pertama diadakan pada 2 Ogos 2016, iaitu PKNP telah dilantik sebagai "Orang Diberi Kuasa" untuk menjalankan tugas-tugas di bawah bidang kuasa MP4.

Lumut Maritim Terminal atau Pelabuhan Lumut merupakan Pelabuhan Negeri yang berfungsi untuk memangkin pertumbuhan ekonomi, pembangunan dan industri Negeri Perak dan Negara secara umumnya. Pelabuhan Lumut kini lebih agresif dan dinamik bagi mempertingkatkan lagi prestasi operasinya. Justeru itu, Projek Pembesaran dan Pemodenan Pelabuhan Lumut 2016 – 2020 melibatkan bajet sebanyak RM225 juta yang dijangka akan meningkatkan kapasiti pengurusan kargo di pelabuhan tersebut iaitu dari 3.5 juta tan kepada 7 juta tan apabila pelan Pembangunan dan Pemodenan selesai pada tahun 2020 nanti.

Pembangunan Taman Perindustrian



Kumpulan PKNP meneruskan strategi dan inisiatif yang bersesuaian untuk merancang dan membangunkan tanah-tanah perindustrian sedia ada. Sehubungan itu, Kumpulan PKNP bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi teknikal yang berkaitan, terlibat dalam penyediaan Pelan Tindakan Greater Kamunting Conurbation yang diterajui oleh pihak Koridor Utara Malaysia (NCIA). Pelan tindakan ini melibatkan 5 inisiatif iaitu :-

- M1 – Transform Industrial Parks*
- M2 – Apartment Units for Foreign Workers*
- M3 – Strengthening Chemical / Polymer Industrial Cluster*
- M4 – Establish Eco Industrial & Innovation Park*
- M5 – Establish Eco Halal Food Park*

Kumpulan PKNP juga bekerjasama dengan pihak UPEN Perak dan NCIA khususnya berkaitan dengan pembangunan Perak Hi-Tech Industrial Park (PHTIP) sebagai salah satu projek pemangkin ekonomi Negeri Perak dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Kerjasama pintar ini akan diteruskan dan diperluaskan untuk inisiatif perindustrian yang sedang dan bakal dirancang di dalam Negeri Perak.

Pembangunan Semula Pekan-Pekan Kecil

Kumpulan PKNP akan meneruskan pelaksanaan 41 buah pekan kecil di seluruh Negeri Perak bertujuan untuk memastikan pembangunan yang seimbang dan lestari di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Bagi tujuan tersebut pada tahun 2016, Kumpulan PKNP telahpun menyiapkan dan memperolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) bagi 6 buah pekan kecil iaitu Pekan Kecil Trong, Pekan Kecil Ijok, Pekan Kecil Sauk, Pekan Kecil Lekir, Pekan Kecil Kubu Gajah dan Pekan Kecil Manong. Tiga buah projek di Semanggol, Simpang Lima Parit Buntar dan Lawin telahpun siap dan menunggu Sijil CCC. Manakala baki 5 buah projek pekan kecil di Bagan Datoh, Slim Village, Temoh, Bandariang dan Changkat Jong di fasa akhir penyiapan.

Pada tahun 2016 juga, Kumpulan PKNP telah memulakan pelaksanaan Fasa 2 bagi 8 buah pekan kecil iaitu terdiri 1 bidang tanah milik kerajaan di Matang dan 7 bidang tanah hak milik individu sedang dalam proses Pengambilan Tanah di peringkat 1. Lokasi pekan kecil tersebut ialah di Bukit Gantang, Sungai Kerang, Titi Serong, Kuala Kurau, Sungai Lesong, Simpang Empat Rungkup dan Bukit Bertam.

Kumpulan PKNP akan terus membangunkan beberapa buah lagi pekan kecil melalui Pengambilan Balik Tanah di peringkat 2 seperti di Batu 16 Hutan Melintang, Kampung Plang, Selinsing, Pengkalan Baharu dan Bendang Kering. Pada masa ini Kumpulan PKNP dalam usaha menjalankan kajian kebolehpasaran dan kebolehlaksanaan tapak-tapak tersebut bagi memastikan ia berpotensi untuk dimajukan.



Dataran Amanjaya Lawin

Pembangunan Perumahan Mampu Milik



Selaras dengan Gagasan Perak Amanjaya, adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri Perak untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik dan kurang mampu untuk memiliki tempat tinggal yang selesa. Justeru itu, Kerajaan Negeri

akan terus memberi penekanan untuk menyediakan perumahan yang mencukupi dengan persekitaran yang selamat, sihat dan sejahtera di samping kemudahan awam yang lengkap dan kemudahan taman rekreasi yang berkualiti.

Bagi tujuan tersebut, Kumpulan PKNP telah dipertanggungjawab untuk membangunkan sebanyak 10,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM) sehingga tahun 2018. Usaha-usaha bagi penyediaan rumah-rumah tersebut sedang giat dijalankan.

Bagi tahun 2016, Kumpulan PKNP telah memulakan pembinaan Rumah Mampu Milik di Bandar Meru Raya sebanyak 2,117 unit.

Perancangan pembinaan RMM pada 2017, Kumpulan PKNP mengenalpasti kawasan yang akan dibangunkan iaitu Pengkalan Raya, Alor Pongsu dan Taman Trong Bakti sebanyak 890 unit. Manakala sebanyak 2,980 unit Rumah Mampu Milik akan dibina di Manjung, Taiping, Bandar Meru Raya, Kampar, Hulu Kinta, Tanjung Malim, Slim River, Perak Tengah, Sungai Siput (U) dan Tapah.

Baki sebanyak 4,013 unit Rumah Mampu Milik akan dilaksanakan pada tahun 2018.

RMM ini akan dijual pada harga di antara RM140,000 hingga RM300,000 dengan keluasan binaan minima 900 kaki persegi.

Pembangunan Usahawan dan Sosioekonomi

Pusat Pembangunan Usahawan (PPU) PKNP komited menjalankan kerjasama dengan pelbagai jabatan / agensi keusahawanan untuk membantu dan membuka peluang kepada pengusaha-pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bagi memasarkan produk-produk mereka di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Kumpulan PKNP juga sedang menyiapkan Kompleks Silveritage sebagai satu pusat tarikan pelancongan bagi menempatkan produk tempatan di Negeri Perak seperti kraftangan, produk usahawan tempatan dan lain-lain.



Kompleks ini akan menyediakan ruang niaga seluas 27,522 kaki persegi untuk produk tempatan manakala 45,578 kaki persegi diperuntukkan kepada peniaga berasaskan makanan dan minuman untuk pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara.

Kos penambahbaikan kompleks ini bernilai RM17 juta dijangka siap pada penghujung tahun 2017 dan beroperasi pada suku pertama tahun 2018.

Penghargaan

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah PKNP ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah PKNP, ahli-ahli Lembaga Pengarah syarikat anak atas komitmen terbaik bagi memastikan kejayaan PKNP, pihak pengurusan dan seluruh warga kerja Kumpulan PKNP yang sentiasa memberikan sokongan padu dalam usaha-usaha memacu ekonomi Negeri Perak selaras dengan peningkatan prestasi Kumpulan PKNP secara keseluruhannya.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, jabatan, agensi swasta dan NGOs yang terlibat di dalam memberi sokongan dan kerjasama terbaik kepada PKNP untuk membantu mengekalkan prestasi PKNP sebagai agensi utama negeri yang berjaya.

Saya sentiasa berdoa agar segala komitmen dan dedikasi yang telah ditunjukkan oleh semua pihak akan berkekalan dan dimantapkan lagi bagi memastikan pembangunan ekonomi, sosial dan kebajikan untuk PKNP dan Negeri Perak dapat diteruskan lagi demi menjamin kesejahteraan Negeri Perak dan rakyatnya.

Sekian, terima kasih.



Y.A.B DATO' SERI DIRAJA DR ZAMBRY ABD KADIR

S.P.S.A., S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., P.A.T., A.M.S.
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan



LAPORAN AKTIVITI PENGURUSAN DAN PRESTASI PKNP BAGI TAHUN 2016

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Syukur Alhamdulillah dan saya bagi pihak keseluruhan pengurusan dan warga kerja Kumpulan PKNP amat berbesar hati menyampaikan Laporan Aktiviti Pengurusan dan Prestasi Kewangan Kumpulan bagi tahun 2016.

1.0 KEMAJUAN HALATUJU KORPORAT SEHINGGA TAHUN 2016

Tahun 2016 merupakan tahun ketiga bagi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dalam melaksanakan Program Transformasi Kumpulan sejak ia dilancarkan pada tahun 2014.

Pelan Strategik PKNP dalam tempoh 2014 hingga 2018 merangkumi 3 komponen yang akan membantu dalam mencapai misi dan visi PKNP iaitu:

- Memperkukuhkan Organisasi
- Pengukuhan Struktur Perniagaan
- Memenuhi Agenda Sosio-Ekonomi

1.1 Memperkukuhkan Organisasi

PKNP kini telah bergerak sebagai satu kumpulan di dalam struktur operasi yang lebih bersepadu dan telus. Struktur tadbir urus juga diperkemaskan lagi menerusi penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) pada Julai 2015. Di samping itu, program 'Cultural Transformation Programme' (CTP) – "Moh Kite - Change The Landscape" diteruskan. 'Employee Commitment Index' (ECI) diperkenalkan sebagai penanda aras bagi menilai keberkesanan inisiatif CTP.



YBHG. DATO' AMINUDDIN BIN MD. DESA
Ketua Eksekutif
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

1.2 Pengukuhan Struktur Perniagaan

PKNP telah menyelaraskan aktiviti komersialnya kepada 3 aktiviti teras iaitu Sektor Pembangunan Hartanah, Logistik dan Pelabuhan serta Hospitaliti dan Pelancongan.

1.2.1 Pembangunan Hartanah



Pada tahun 2016, PKNP terus komited dalam merencana dan menerajui pembangunan bandar-bandar baru di Negeri Perak. Usaha PKNP ini dapat dilihat melalui Pembangunan Bandar Meru Raya yang kini telah berada di fasa akhir untuk dibangunkan.


PKNP juga terus merancang pembangunan di bahagian selatan Negeri Perak. Divisyen Pembangunan Wilayah Perak Selatan yang telah dipertanggungjawabkan untuk merancang dan memantau pelaksanaan pembangunan di kawasan Wilayah Perak Selatan ini.

Tahun 2016 turut menyaksikan kesinambungan perancangan dan pembangunan estet-estet perindustrian sedia ada dan tanah-tanah perindustrian oleh PKNP. Contohnya dari segi perancangan estet perindustrian, projek Perak Hi-Tech Industrial Park (PHTIP) telah dikenalpasti sebagai salah satu dari projek pemangkin ekonomi Negeri Perak dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd (LMTSB) juga telah meneruskan inisiatif pembesaran LMT 1 dan LMT 2 untuk menyokong aktiviti perindustrian sedia ada di kawasan tersebut.

Di samping itu, pada tahun 2016 PKNP juga telah mengenalpasti beberapa bentuk model perniagaan yang bersesuaian sebagai salah satu alternatif yang akan dilaksana bagi menyokong pembangunan masyarakat khususnya Bumiputera di Negeri Perak.

(2015-2019) yang bakal mentransformasi LMT sebagai pelabuhan yang lebih progresif dan dinamik.

PKNP menerusi LMTSB juga turut mengendalikan dan menguruskan Terminal Pukul Lekir (Lekir Bulk Terminal - LBT). Pelabuhan ini adalah pintu masuk utama kepada penghantaran arang batu ke kilang TNB Janamanjung. Sejak penubuhannya pada tahun 2003 sehingga 2016, ia merekodkan pengendalian sebanyak 89 juta tan arang batu dan 1,193 buah kapal.



1.2.2 Pelabuhan dan Logistik

PKNP meletakkan industri pelabuhan dan logistik sebagai salah satu bidang perniagaan utamanya. Tumpuan dalam sektor ini melibatkan operasi pelabuhan sedia ada dan yang bakal diadakan.

Bagi pelabuhan sedia ada seperti di Pelabuhan Lumut kewujudannya telah berjaya menjadi pemangkin kepada ekonomi penduduk setempat khususnya dalam peluang pekerjaan dan perniagaan.

Bagi memastikan LMT terus berdaya maju dan meningkatkan produktiviti serta prestasi, PKNP telah merangka pelan perniagaan strategik 5 tahun



Selain itu, pembangunan *Freight Village* dan *Inland Container Depot* juga sedang dalam perancangan dan pembangunan ini bakal dibangunkan selaras dengan perancangan pelabuhan di Bagan Datoh.

1.2.3 Pelancongan dan Hospitaliti



Pelancongan dan Hospitaliti juga merupakan salah satu sektor perniagaan teras dalam PKNP. Tumpuan utama bagi sektor ini adalah dengan memberi penekanan kepada penjenamaan "Casuarina" dalam meningkatkan kemudahan perhotelan di Negeri Perak serta membolehkan PKNP meningkatkan pelaburan dalam industri tersebut.

Justeru itu, PKNP proaktif dan komited bagi menjenamakan semula 12 buah rumah rehat



Pusat Konvensyen Amanjaya di bawah rangkaian penjenamaan "Casuarina"

Kerajaan Negeri kepada produk "Lanai Casuarina" bermula dengan Lanai Casuarina @ Kuala Kangsar yang mula beroperasi pada tahun 2015. Pada Disember 2016 juga, Hotel Casuarina @ Teluk Intan turut memulakan pembinaannya dan dijangka mula beroperasi suku keempat tahun 2018.

Pada 25 November 2016, PKNP membuka operasi sebuah taman awam di Bandar Meru Raya (BMR) yang diberi nama Bulatan Amanjaya. Bulatan Amanjaya yang berkeluasan 18 ekar mempunyai pelbagai kemudahan aktiviti dan riadah yang disediakan seperti *wading pool*, *children playground*, *amphitheatre*, kawasan untuk papan selaju di samping itu pengunjung-pengunjung dapat menikmati kehijauan dan kesegaran di Bulatan Amanjaya tersebut.

Movie Animation Park Studio (MAPS) dijangka memberi impak kepada pembangunan industri pelancongan dan hospitaliti di Negeri Perak.

Sasaran sekurang-kurang 1 juta orang pelancong dijangka mengunjung ke taman tema ini dalam tahun pertama operasinya memberi suatu fenomena yang positif dalam pembangunan di BMR dan ia dijangka dibuka pada suku ke-2 tahun 2017.

Di samping itu, Restoran Rumah Tradisional Melayu (RRTM) juga merupakan satu lagi tarikan yang bakal menyokong pembangunan hab pelancongan dan hospitaliti di BMR. Restoran Rumah Tradisional Melayu ini berperanan sebagai restoran menghidangkan pelbagai masakan dan mempunyai suasana persekitaran desa. Sasaran operasi perniagaan pada Mei 2017, pada masa kini ia dalam fasa terakhir pembinaan.

Tarikan lain yang bakal menyusul di BMR antaranya adalah Taman Tema Air, *Service Apartments* dan Hotel 5 Bintang. Projek-projek ini masih lagi dalam peringkat perancangan dan dijangka akan mula dibangunkan dalam tahun 2017.

1.2.4 Perniagaan Strategik



PKNP turut menumpukan kepada potensi tenaga hijau dan bersih di negeri ini. Industri Tenaga Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy*) bebas karbon bukan sahaja membantu dalam mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan minyak malah dapat mengurangkan masalah pencemaran udara.

Lantaran itu, syarikat janakuasa di bawah PKNP melalui Maju Perak Energy Resources Sdn Bhd (MERSB) yang terletak di Keramat Pulau, Simpang



Modul Solar Photovoltaic di Keramat Pulau

Pulai, Perak telah memulakan operasi pada tahun 2015. Ia telah menunjukkan peningkatan prestasi bekalan tenaga sebanyak 1.5 MWh pada 2015 kepada 2.1 MWh pada 2016. Unjuran pendapatan melebihi RM1.0 juta setahun. Ia memberi sumbangan pendapatan yang mapan kepada PKNP.

1.3 Memenuhi Agenda Sosioekonomi

Agenda Sosioekonomi PKNP adalah untuk meningkatkan taraf hidup terutamanya masyarakat Bumiputera di Perak. Agenda ini seiring dengan aspirasi Gagasan Perak Amanjaya dengan moto Kerajaan Negeri 'Tiada Tertinggal, Tiada Terpinggir'.

Tahun 2016 menyaksikan PKNP sebagai jentera pelaksana telah bergerak aktif dengan melancarkan beberapa buah pekan kecil dan projek perumahan mampu milik di Negeri Perak.

1.3.1 Pembangunan Perumahan Mampu Milik

Tahun 2016, sebanyak 1,344 unit rumah mampu milik telah pun dilancarkan masing – masing di BMR iaitu D'Aman Residensi di Zon 7 sebanyak 480 unit dan Suria@Meru di Zon 9 sebanyak 413 unit serta di Pengkalan Raya, Batu Gajah sebanyak 451 unit.

1.3.2 Pembangunan Pekan-Pekan Kecil

Projek ini bertujuan menjadikan pekan kecil sebagai pusat aktiviti ekonomi setempat bagi meningkatkan pendapatan golongan Bumiputera. Pada tahun 2016, projek Pembangunan Pekan – Pekan Kecil seperti di Kubu Gajah, Manong, Gunung Semanggol dan Lekir telah disiapkan dan beroperasi.



Pekan Kecil Kubu Gajah



Pekan Kecil Manong



Pekan Kecil Gunung Semanggol



Pekan Kecil Lekir

1.3.3 Pembangunan Usahawan

PKNP juga sentiasa berusaha keras untuk melahirkan usahawan Bumiputera yang berkualiti.

Pada tahun 2016, PKNP menyediakan Skim Rakan Niaga Strategik (hybrid) kepada syarikat-syarikat yang berpotensi dan berdaya maju.

PKNP telah mewujudkan Unit Pengedaran Produk Industri Desa (*Distribution Centre - DC*) bagi membantu memasarkan produk-produk usahawan industri desa ke pasaran tempatan. Seramai 25 orang usahawan telah menyertai program ini dan 50 jenis produk telah dikumpul dan dipasarkan. Pasaran produk meliputi 30 outlet / premis perniagaan sekitar Daerah Kinta, Kuala Kangsar dan Kampar.

PKNP telah membaik pulih 18 lot premis sewaan 'Terminal Makanan Halal' di Kg. Acheh, Manjung kepada usahawan-usahawan IKS.

Pada 11 hingga 13 Mac 2016, Perak telah dipilih sebagai tuan rumah Konvensyen PROTUNE dan program ini telah berlangsung yang bertempat di Amanjaya Convention Centre Casuarina @ Meru, Meru Raya, Ipoh, Perak.

PKNP berusaha untuk membangunkan usahawan Bumiputera yang berkualiti. Sepanjang tahun 2016, PKNP banyak mengadakan program dan kursus pembangunan usahawan yang melibatkan hampir seramai 1,500 peserta yang bertempat di pusat pembangunan usahawan di BMR. Program ini merupakan program kerjasama bersama agensi luar seperti SMECorp, Universiti Teknologi Petronas, Martrade, Amanah Ikhtiar Malaysia, SIRIM, MARDI, FELCRA, Universiti Perguruan Sultan Idris Shah dan lain-lain lagi.

2.0 SENARIO EKONOMI DAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN



Transformasi Negara Malaysia adalah untuk melangkah mencapai ke arah wawasan negara maju dan berpendapatan tinggi walaupun terdapat kesan

daya ketidaktentuan persekitaran luaran. Persekitaran luar yang dimaksudkan ini adalah disebabkan pertumbuhan global kekal sederhana, kesan daripada volatiliti pasaran kewangan, harga komoditi terus rendah dan pertumbuhan lebih perlahan di negara maju.

Namun begitu, Kerajaan komited dalam melaksanakan langkah konsolidasi fiskal untuk memastikan kedudukan kewangan negara terus kukuh dalam jangka masa sederhana dan panjang. Sehubungan itu, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif pembaharuan fiskal termasuk melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), rasionalisasi subsidi serta meningkatkan dan mengurangkan ketirisan perbelanjaan mengurus serta penyusunan semula keutamaan perbelanjaan pembangunan dengan penekanan diberikan kepada program dan projek yang memberi kesan yang tinggi pada ekonomi. (Pekeliling Perbendaharaan Malaysia).

Bagi tahun 2016, negara Malaysia mencatat pertumbuhan positif Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu sebanyak 4.2 peratus. (Bank Negara Malaysia - BNM, Economics Development 2016). Pertumbuhan akan diterajui oleh permintaan domestik yang disokong oleh pelaburan dan penggunaan swasta. Semua sektor ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan positif dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan menjadi penyumbang utama pertumbuhan ekonomi.

Nilai mata wang Ringgit Malaysia juga mula mengukuh pada tahun 2016 dan telah mencapai tahap tertinggi pada 14 April 2016 iaitu 3.8650 berbanding dolar Amerika Syarikat atau meningkat sebanyak 11 peratus sejak akhir tahun 2015. (Ucapan Perdana Menteri semasa menjawab pertanyaan YB Senator Datuk Mariany Mohammad Yit yang ingin tahu unjuran pertumbuhan ekonomi negara pada 2016).

Walaupun keadaan ekonomi kurang stabil pada tahun 2016, PKNP bersikap optimis dan mendapat kepercayaan daripada Kerajaan Negeri Perak dengan menyiapkan sepenuhnya empat (4) lagi projek Pekan Kecil iaitu Dataran Amanjaya Lekir, Dataran Amanjaya Kubu Gajah, Dataran Amanjaya Manong dan Dataran Amanjaya Gunung Semanggol. Projek pekan kecil ini merupakan projek yang diamanatkan YAB Menteri Besar Perak kepada PKNP dalam merangsangkan pembangunan ekonomi setempat yang membolehkan penduduk luar bandar menjalankan perniagaan di kawasan yang tersusun dan teratur dan ia membolehkan rakyat menikmati kualiti kehidupan yang seimbang.

3.0 AKTIVITI KORPORAT

Sejajar dengan Pelan Hala Tuju Strategik PKNP 2014–2018, PKNP memberi pendekatan yang lebih fokus dan proaktif dalam menyusun

perancangan projek dan aktiviti dengan lebih teliti dan berkesan.

Sepanjang tahun 2016, telah memperlihatkan PKNP merencana dan merealisasikan aktiviti – aktiviti korporat seperti berikut:

3.1 Animation Theme Park Sdn Bhd (ATP) - Pengambilalihan Tambahan Kepentingan Ekuiti dalam ATP

Pada 8 April 2016, PCB Development Sdn Bhd (PCBD), syarikat subsidiari kepada Perak Corporation Berhad (PCB), telah meningkatkan kepentingan pegangan ekuiti sebanyak 2% dalam ATP, bersamaan dengan 0.6 juta saham biasa pada harga terbitan RM1 sesaham dan 3.9 juta saham keutamaan boleh tukar boleh tebus pada harga terbitan RM1.00 sesaham bersamaan nilai tunai sebanyak RM4.5 juta. Melalui pengambilalihan itu, PCBD meningkatkan pegangan sahamnya dalam ATP daripada 49% kepada 51% dimana ATP menjadi syarikat subsidiari tidak langsung kepada PCB.

ATP bertanggungjawab di dalam pembangunan dan penyiapan MAPS di Bandar Meru Raya, Ipoh. Projek ini bermula pada tahun 2014 dengan kos asal untuk pembangunan MAPS sekitar RM390 juta dan kini kos projek telah meningkat kepada RM654 juta bagi tujuan penambahbaikan taman tema, arahan perubahan kontrak, kos pra-operasi dan kos kewangan.



MAPS dalam pembinaan



Pengambilalihan ini membolehkan ATP untuk memanfaatkan sumber-sumber PCB bagi memastikan MAPS siap sepenuhnya seperti yang dirancang dan membolehkan PCB mempunyai kawalan dan pengurusan yang lebih baik dalam ATP. ATP dijangka dapat meningkatkan pendapatan PCB pada masa akan datang, terutamanya dalam Hospitaliti dan Pelancongan (H&T) apabila MAPS mula beroperasi. MAPS diramalkan dapat menyumbangkan pendapatan yang stabil kepada PCB dan pada masa yang sama dapat mempromosikan industri pelancongan di Negeri Perak.

3.2 Pelabuhan Lumut - Lumut Port (Lumut Maritime Terminal – LMT)

i. Sambutan Ulang Tahun ke-20 (1995 - 2015)


Pada 7 Mac 2016, LMT telah menyambut ulang tahunnya ke-20 dan majlis pecah tanah pembesaran pelabuhan telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. LMT merupakan syarikat subsidiari kepada PCB Taipan (PCBT) dan telah menjadi penyumbang utama kepada hasil dan pendapatan Kumpulan.

Pelabuhan Lumut telah memainkan peranan yang penting dalam meletakkan Perak sebagai destinasi pelabuhan yang strategik dan berdaya maju dengan fasiliti perdagangan bertaraf dunia dan mendapat pengiktirafan global. Ia berpotensi menarik pelabur asing. Pada tahun 1995, jumlah kargo yang dikendalikan LMT hanya berjumlah 89.5 ribu tan metrik. Namun sehingga kini, LMT telah berjaya menguruskan penambahan kargo dengan jumlah terkumpul sebanyak 47.8 juta tan metrik. Terminal ini juga telah berjaya mengendalikan 7,077 kapal dan tongkang dalam tempoh tersebut.



YAB Menteri Besar merasmikan Majlis Ulang Tahun LMT ke-20 pada 7 Mac 2016

Berikut adalah garis masa perjalanan dan kejayaan LMT sepanjang 15 tahun sejak ia dirasmikan pada 24 Julai 1995.



ii. Pelan Bisnes & Strategik LMT 2016 – 2020

Visi LMT adalah untuk menjadi pengendali terminal kargo pukal yang paling efisien di Asia Tenggara. Lantaran itu, LMT merancang untuk mengembangkan operasi pelabuhan dalam mengendalikan lebih banyak kargo memandangkan jumlah kargo, kapal dan tongkang semakin meningkat. Ini selaras dengan strategi LMT bagi mencapai misi memastikan pertumbuhan perniagaan, peningkatan produktiviti melalui kecekapan dan mengoptimumkan kapasiti.

Justeru itu, LMT meningkatkan prestasi melalui automasi dan menaik taraf *Conveyor System* bagi menjimatkan hari operasi, peningkatan bilangan kapal dan tongkang serta operasi yang lebih efisien. Tambahan lagi dengan siapnya barge berth iaitu dermaga tongkang sepanjang 110 meter pada November 2016 dapat menangani isu seperti *“Waiting Time”*/waktu menunggu untuk tongkang arang batu khususnya. Ini seterusnya dapat meningkatkan *“Cargo Throughput”* Pelabuhan Lumut pada masa akan datang.

Pihak LMT juga dalam proses pembelian tanah bagi pembesaran pembelian tanah untuk pembesaran tapak penyimpanan. Pembesaran tapak penyimpanan ini dijangka dapat meningkatkan kapasiti semasa iaitu

sebanyak 0.3 juta tan metrik kepada 0.6 juta tan metrik. Penambahan keluasan tanah adalah perlu dalam strategi mengembangkan dermaga baru. Ia dapat memberi penambahbaikan dalam produktiviti dan kecekapan di samping mengoptimumkan keupayaan pelabuhan yang mengendalikan kargo kira-kira 5.7 juta tan metrik setahun



Tapak Pembesaran 'Barge Berth'



3.3 Pembukaan Pejabat Korporat Kumpulan PKNP

Pejabat Korporat ini terletak di Oasis Square Ara Damansara, Selangor yang merupakan kawasan pembangunan bersepadu di bawah Sime Darby. Ia beroperasi pada bulan Jun 2016 dan telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Negeri Perak, YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Bin Abd Kadir pada 28 November 2016.

Pejabat Korporat ini ditubuhkan sebagai Pejabat Korporat PKNP di luar Negeri Perak dan secara khususnya berfungsi sebagai pejabat operasi Bahagian Pembangunan Wilayah Perak Selatan (WPS). Pejabat Korporat ini juga beroperasi sebagai pangkalan satelit bagi agensi-agensi

Kerajaan Negeri Perak. Kemudahan pejabat disediakan untuk agensi-agensi seperti Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc.), Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan, Lembaga Air Perak, Yayasan Perak, KPerak, Tourism Perak, Invest Perak, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak, Institut Darul Ridzuan dan semua anak syarikat Kumpulan PKNP.



4.0 PROGRAM-PROGRAM BAGI MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI

4.1 Pembangunan Hartanah

4.1.1 Bandar Meru Raya

Bagi tahun 2016, pembangunan Bandar Meru Raya sedang giat dibangunkan sebagai pusat tarikan pelancong dan komersial serta memperluaskan lagi presint kerajaan melalui cadangan penempatan semula 18 pejabat agensi-agensi kerajaan. Bandar Meru Raya dijangka akan menjadi pusat pentadbiran utama Negeri Perak Darul Ridzuan dalam jangka masa 5 tahun yang akan datang. Antara komponen yang terlibat dalam pembangunan Bandar Meru Raya adalah:

- Perumahan Mampu Milik: -
 1. Casa Kayangan–Dalam pembinaan
 2. D’ Aman Residensi–Dalam pembinaan
 3. Suria@Meru–Dalam pembinaan
 4. Zon 8 Apartment–Peringkat Perancangan /Kelulusan PBT
- Pusat Agensi-Agensi Kerajaan: -
 1. Kementerian Dalam Negeri (KDN)–Sedia ada
 2. Jabatan Audit Negara - Sedia ada
 3. Kompleks Pejabat SPRM–Sedia ada
 4. Balai Bomba dan Penyelamat - Sedia ada
 5. Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat–Sedia ada
 6. Jabatan Perhutanan Negeri Perak–Sedia ada
 7. Jabatan Arkib Negara–Dalam pembinaan
 8. Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Perak - Peringkat perancangan
- Pusat membeli-belah dan bangunan-bangunan perniagaan: -
 9. Pasar Raya Besar Mydin - Sedia ada
 10. Pusat komersial - Sedia ada
- Komersial dan Pelancongan:-
 1. Rumah Tradisional Melayu–Sedia ada
 2. Taman Rekreasi Bulatan Amanjaya–Sedia ada
 3. Movie Animation Park Studio (MAPS) – Dalam pembinaan
 4. Taman Tema Air – Peringkat perancangan
- Pendidikan:-
 1. Tenby International School – Sedia ada
 2. Quest International Universiti–Dalam pembinaan
 3. Sekolah Kebangsaan Bandar Meru Raya – Dalam pembangunan
 4. Kolej Poly-Tech Mara–Peringkat perancangan



4.1.2 Bagan Datoh Water City

Salah satu projek utama yang akan dilaksanakan adalah pembangunan bandar baru di Daerah Bagan Datoh yang dikenali sebagai Bagan Datoh Water City (BDWC). Kawasan ini berkeluasan kira-kira 4,100 ekar dan terletak kira-kira 8 km dari Pekan Bagan Datoh. Ia merupakan pembangunan bercampur yang berkonsep hijau dan mampan serta ia juga menyokong pembangunan Perak Heavy Industrial Park (PHIP) iaitu sebuah pembangunan perindustrian berintegrasi yang juga turut dibangunkan di daerah tersebut.

Fasa 1 BDWC ini akan dibangunkan dengan pembangunan institusi yang akan menempatkan 15 projek institusi kerajaan iaitu Kompleks Pentadbiran Daerah Bagan Datoh, Kompleks Pejabat Kerajaan Persekutuan, Masjid Daerah, Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan, Perumahan FELCRA, Hotel Seri Malaysia, Ibu Pejabat Polis Daerah, Balai Bomba, Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Projek Perumahan Rakyat, Pusat Kesihatan, Pejabat RELA, Institut Latihan Perindustrian, Kem Askar Wataniah dan Pusat Latihan Khidmat Negara.

Selain pembangunan institusi, jabatan / agensi kerajaan, BDWC juga membangunkan projek perumahan khususnya perumahan mampu milik.

BDWC juga akan turut dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan awam, pembangunan komersial, sistem pengangkutan awam dan jaringan kawasan hijau yang akan menjadikan BDWC sebagai sebuah perbandaran baru yang unik dan beridentiti.

4.1.3 Perak Hi-Tech Industrial Park (PHTIP)

Tahun 2016 merupakan kesinambungan pelaksanaan 'PKNP – The 5 years Group Strategic Direction Blueprint (2014-2018)' untuk projek pembangunan PHTIP yang telah disenaraikan sebagai salah satu 'commercial strategies' bagi pembangunan estet industri.

Bahagian Pembangunan Industri dan Promosi, Kumpulan PKNP melalui pendekatan proaktif telah merujuk kepada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (Northern Corridor Implementation Authority - NCIA) dan mendapat sokongan rasmi dari pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak berkaitan cadangan projek PHTIP sebagai projek keutamaan Negeri Perak di dalam Rangka Tindakan Sosioekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Di samping itu juga, Kumpulan PKNP telah menerima surat cadangan pembangunan PHTIP (Fasa 1) secara usahasama dengan pemaju



Kawasan Perancangan Pembangunan PHTIP Fasa 1 di Chemor, Ipoh

swasta. Cadangan pembangunan ini akan melibatkan kawasan perindustrian seluas 426 ekar, skim perumahan seluas 66 ekar dan hartanah komersial seluas 18 ekar (rujuk peta lokasi dibawah). Cadangan ini sedang dalam penelitian dari semua aspek untuk memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan jaya. Sasaran pembangunan PHTIP secara holistik adalah berpandukan kepada model pembangunan kerjasama awam-swasta (*Public-Private Partnership*).

4.1.4 Pembangunan Estet Perindustrian

Pembangunan estet perindustrian juga berdasarkan *commercial strategies* di bawah 'PKNP – The 5 years Group Strategic Direction Blueprint (2014-2018)'.

Ia merangkumi empat strategi perniagaan iaitu Industri Umum, *High Tech Park*, *Aerospace Industrial Park* dan *Halal Hub Industrial Park*. Untuk strategi industri umum, ia merangkumi enam (6) estet perindustrian yang sedia ada, dua (2) pembesaran estet industri dan tiga (3) estet perindustrian baru.

Sedia Ada	Estet Perindustrian	Status
1	Khantan	Dijual Sepenuhnya
2	Klebang	Dijual Sepenuhnya
3	Kamunting Raya	Dalam Pelaksanaan
4	Bemban	Dalam Pelaksanaan
5	Pengkalan V	Dalam Pelaksanaan
6	Bandariang	Dalam Pelaksanaan
Pembesaran	Estet Perindustrian	Status
1	Lumut Port Industrial Park	Dalam Pelaksanaan (LMT Sdn Bhd)
2	Greater Kamunting	Dalam Pelaksanaan (Jawatankuasa Kerja Greater Kamunting Conurbation Blueprint, NCIA)
Baru	Estet Perindustrian	Status
1	Tanjung Malim	Dalam Pelaksanaan (Wilayah Perak Selatan)
2	Bagan Datoh	Dalam Pelaksanaan (Wilayah Perak Selatan)
3	Chenderiang	Dalam Pelaksanaan

Situasi ekonomi global pada tahun 2016 yang mempengaruhi hampir kesemua sektor ekonomi utama dunia dan Malaysia memerlukan kepada penilaian semula dan penambahbaikan pendekatan dan strategi yang telah dirangka.

Pada suku terakhir 2016, Bahagian Pembangunan Industri dan Promosi telah merangka strategi dan pendekatan yang bersesuaian untuk merancang dan membangunkan tanah-tanah perindustrian sedia ada. Antara pendekatan baru yang digunapakai adalah 'direct engagement' dengan peneraju industri Carsem dan Finisar, 'Chamber of Commerce' (EU-Malaysia Chamber of Commerce & Industry, Federation of Malaysian Manufacturers (Perak) serta agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan seperti NCIA, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), UPEN Perak, Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.

Kumpulan PKNP juga telah menerima beberapa cadangan pembangunan perindustrian secara usahasama dari pihak swasta khususnya bagi tanah-tanah perindustrian di Bidor, Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah dan Chenderiang. Beberapa siri perbincangan dengan pihak terbabit telah dilaksanakan khususnya dari segi perundangan, teknikal dan komersial untuk memastikan dayamaju dan pelaksanaan cadangan serta keupayaan dan 'track record' pihak terbabit dalam melaksanakan pembangunan yang dicadangkan.

Penghujung tahun 2016 juga menyaksikan hala tuju estet perindustrian Kumpulan PKNP dikemaskini dan diperkasakan sebagai salah satu unit perniagaan yang mampan.

4.2 Logistik dan Pelabuhan

Sehingga 2016, Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd (LMTSB) telah merekodkan pengendalian sebanyak 57.4 juta tan arang batu dan 8,170 buah kapal menerusi pelabuhan sedia ada iaitu Lumut Maritime Terminal (LMT) dan Lekir Bulk Terminal (LBT). Selaras dengan pelan perniagaan strategik 5 tahun (2015 - 2019), yang membantu dalam mentransformasikan pelabuhan sedia ada ini telah berjaya menjadi pemangkin kepada ekonomi penduduk setempat dan negeri.



Lumut Maritime Terminal



Lekir Bulk Terminal

4.3 Hospitaliti dan Pelancongan

4.3.1 Bandar Meru Raya

Bandar Meru Raya disasarkan menjadi destinasi pelancongan dan tarikan baru Negeri Perak, beberapa komponen telah dan akan dibina di Bandar Meru Raya yang merangkumi:

- Hotel Casuarina@Meru
- Movie Animation Park Studios (MAPS)
- Taman Awam Bulatan Amanjaya
- Taman Tema Air
- Restoran Rumah Tradisional Melayu




Tarikan pelancongan yang dibangunkan di Bandar Meru Raya



4.3.2 Destination Management & Marketing Organization (DMMO)

Destination Perak Sdn Bhd (DPSB) adalah sebuah Organisasi Pengurusan & Pemasaran Destinasi yang diwujudkan dalam menerajui rekabentuk dan pengurusan pakej-pakej pelancongan. Sehingga tahun 2016, DPSB telah berjaya membantu dari segi pemasaran dalam menjual produk-produk dan pakej-pakej pelancongan kepada pasaran yang berpotensi tinggi dan membantu menyalurkannya kepada pengusaha-pengusaha pelancongan yang berdaftar dengan program ini. Ia membawa suatu dinamik baru ke dalam industri pelancongan Perak bagi rangka kerja dan paradigma untuk menjadi DMMO terbaik di Malaysia.



4.3.3 Hotel Casuarina

PKNP menasarkkan 2 buah hotel di bawah jenama Casuarina iaitu di Teluk Intan dan Taiping. Kerja-kerja pembinaan bagi Hotel Casuarina @ Teluk Intan akan dimulakan pada penghujung tahun 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2018.

Hotel Casuarina @ Meru telah beroperasi sejak 2013, ia dilengkapi dengan kemudahan *business centre*, 8 buah bilik majlis dan Pusat Konvensyen Amanjaya yang boleh memuatkan sebanyak 2,500 orang dalam satu masa.



Lakaran artis: Casuarina Golf and Resort @ Teluk Intan



Lakaran artis: Casuarina Golf and Resort @ Taiping



Hotel Casuarina @ Meru



4.3.4 Resort Casuarina

i. Casuarina Resort @ Pangkor

Resort yang terletak di kawasan berteluk dan berlatarbelakangkan kehijauan hutan ini akan dinaik taraf kepada resort antarabangsa bertaraf 5 bintang di kawasan seluas 42.5 ekar dengan konsep 'Sun, Sea & Beach'. Ia juga mempunyai rekabentuk yang moden dan kontemporari dalam chalet-chalet penginapan seperti 'Beach Villas', 'Cliff Villas', 'Jungle Villas' dan bilik 'Island Superior'. Di samping itu, ia turut dilengkapi dengan sebuah spa eksklusif, gimnasium, 'floating restaurant', 'Jungle restaurant', 'private jetty', 'Beach Club' dan sebuah dewan konvensyen yang boleh memuatkan 1,000 orang.



Lakaran artis: Casuarina Resort @ Pangkor

ii Casuarina Golf and Resort @ Tanjung Malim

Casuarina Golf and Resort @ Tanjung Malim akan dibangunkan di kawasan seluas 442 ekar di daerah Tanjong Malim. Resort yang berkonsepkan kombinasi golf dan equestrian ini direka oleh perunding golf terkemuka iaitu *Parslow & Winter Golf Design*. Ia dijangka akan mempunyai sebuah padang golf 18 lubang yang dapat menarik peminat tegar sukan golf dan juga sukan berkuda. Ia juga akan dilengkapi dengan 'ballroom' yang boleh memuatkan 800 orang, 'Ridgeline villas', 'spa & wellness retreat' dan juga 'outdoor thematic park'.



Lakaran artis: Casuarina Golf and Resort @ Tanjung Malim

4.3.5 Lanai Casuarina

Sehingga tahun 2016, penjenamaan semula 12 buah Rumah Rehat Kerajaan Negeri kepada produk Lanai Casuarina telah bermula dengan pengoperasian Lanai Casuarina @ Kuala Kangsar pada tahun 2015. Pada pertengahan tahun 2016,



Lakaran artis: Lanai Casuarina @ Kuala Kangsar

Kumpulan PKNP telah memulakan operasi sebuah lagi rumah rehat yang dikenali sebagai Lanai Casuarina@Cempaka Sari, Parit. Hotel ini dilengkapi dengan 19 buah bilik, sebuah dewan serta sebuah kafeteria. Penjenamaan semula ini dijangka dapat memenuhi permintaan terhadap penginapan yang lebih selesa kepada pengunjung di samping menjadi tarikan kepada pelancong serta membantu menjana ekonomi Negeri Perak.

4.3.6 Rumah Bot Casuarina (Casuarina Boathouse)

Kumpulan PKNP telah menyasarkan untuk membangunkan 5 buah rumah bot di Royal Belum dalam tempoh 5 tahun (2014 - 2018). Sehingga tahun 2016, sebuah rumah bot iaitu *Casuarina Boathouse@Temenggor 1* telah beroperasi sepenuhnya manakala *Casuarina Boathouse@Temenggor 2* kini dalam proses pembinaan. *Casuarina Boathouse@Temenggor 2* ini telah dirancang pembinaannya dengan lebih eksklusif dan dijangka mampu membawa perubahan kepada sektor hospitaliti dan pelancongan di Tasik



Rumah Bot Casuarina 1



Lakaran artis Rumah Bot Casuarina 2

Temenggor di samping mempromosikan Hutan Simpan Royal Belum ke peringkat yang lebih luas. Rumah Bot Casuarina ini juga dijangka dapat meningkatkan peluang ekonomi kepada Bumiputera di kawasan setempat serta menjana kepada ekonomi Negeri Perak.

4.3.7 Movie Animation Park Studio (MAPS)

MAPS masih dalam proses pembinaan dan dijangka memulakan operasinya pada pertengahan tahun 2017. MAPS merupakan sebuah taman tema animasi pertama di Asia yang terletak di Bandar Meru Raya, Ipoh, dan dijangka dapat menarik perhatian pengunjung dalam dan luar negara di samping membantu menjana ekonomi Negeri Perak.



Lakaran artis : Movie Animation Park Studio



MAPS dalam fasa awal pembinaan Februari 2016



4.3.8 Taman Awam Bulatan Amanjaya

Taman Awam Bulatan Amanjaya yang terletak di tengah-tengah Bandar Meru Raya ini disasarkan akan menjadi tarikan dan perhatian kepada para penduduk di sekitar Bandar Meru Raya dan Bandar Ipoh. Taman Awam Bulatan Amanjaya ini akan menyediakan tempat beriadah yang selesa dengan pelbagai kemudahan seperti seperti taman permainan kanak-kanak, 'wall climbing', 'skate park', tirai air, dan galeri rakyat.



Taman Awam Bulatan Amanjaya pada Januari 2016 dan Disember 2016

4.3.9 Menaik Taraf Kompleks Silveritage Galleria

Kompleks Silveritage Galleria sedang giat dibangunkan semula dan dijangka mula beroperasi pada pertengahan tahun 2017. Kompleks yang berkeluasan 70,000 kaki persegi mempunyai 72 ruang niaga untuk disewa yang merangkumi 16 ruang untuk 'food & beverage', 44 ruang 'retails' dan 12 ruang kiosk. Kompleks ini disasarkan akan menjadi salah satu destinasi pelancongan di Negeri Perak serta membantu mempromosikan warisan kraf tangan Negeri Perak selain menjana kepada peningkatan ekonomi usahawan Bumiputera serta penduduk setempat.

4.3.10 Restoran Rumah Tradisional Melayu

Restoran Rumah Tradisional Melayu (RRTM) yang terletak berhampiran Bulatan Amanjaya dijangka siap sepenuhnya pada bulan Disember 2016. Berkeluasan 3.99 ekar, RRTM berperanan menawarkan pelbagai sajian makanan Melayu dan sajian makanan India Utara. Ia merupakan salah satu strategi PKNP bagi menarik pengunjung-pengunjung ke BMR. Tiga jenis rekabentuk rumah tradisional Melayu Perak dijangka bakal menjadi tumpuan kepada pengunjung iaitu Rumah Kutai Anjung Beranda, Rumah Limas Potong Perak dan Rumah Limas Gaya Limas Potong Utara. RRTM dijangka beroperasi pada pertengahan tahun 2017.



Lakaran artis : Pembangunan Semula Kompleks Silveritage Galleria



Restoran Rumah Tradisional Melayu dalam fasa pembinaan

4.4 Pembangunan Perumahan Mampu Milik

Bagi tahun 2016 senarai kawasan pembangunan perumahan mampu milik yang telah dilancarkan adalah seperti berikut:

Pemilik Tanah	Lokasi Projek	Pemaju	Saiz Tanah (Ekar)	Komponen	Unit
PCBD	BMR Zon 7 (Kinta)	Euro Master Sdn Bhd / D'Aman Residensi Sdn Bhd	22.895	Apartmen 5 Tingkat (5 Blok)	360
				Apartmen (PPA1M) 15 Tingkat (1 Blok)	240
				Apartmen 15 Tingkat (3 Blok)	720
				JUMLAH	1,320
PCBD	BMR Zon 3C (Kinta)	Teguh Revenue Sdn Bhd / Gelombang Prestasi Sdn Bhd	10.14	Apartmen Jenis A	96
				Apartmen Jenis AB (Balkoni)	96
				Apartmen Jenis B (Aras 7-25)	152
				Apartmen Jenis B (Aras 2-6)	40
				JUMLAH	384
PCBD	BMR Zon 9 (Plot 2 & 3) (Kinta)	Sunny Reap Development Sdn Bhd / Cempaka Majujaya Sdn Bhd	26.62	Teres 2 Tingkat	139
				Teres 2 Tingkat	274
				JUMLAH	413
JUMLAH BESAR					2,117

Senarai kawasan perumahan mampu milik yang disasarkan untuk dilancarkan dalam tahun 2016 adalah sebanyak 603 unit rumah mampu milik.

Pemilik Tanah	Lokasi Projek	Pemaju	Saiz Tanah (Ekar)	Komponen	Unit
PKNP	PENGKALAN RAYA (Kinta)	Euro Master Sdn Bhd / D'Aman Residensi Sdn Bhd	22.98	Teres 1 Tingkat	274
				Teres 2 Tingkat	177
				JUMLAH	451
PKNP	ALOR PONGSU 1 (Kerian)	Sahara Budi Sdn Bhd/ Lahar Budi Sdn Bhd	12	Teres 2 Tingkat	111
				Teres 2 Tingkat	41
				JUMLAH	152
JUMLAH BESAR					603

Gambar-gambar Projek Perumahan Mampu Milik dalam Pembinaan:



4.5 Pembangunan Pekan-Pekan Kecil

Perancangan program Pembangunan Semula Pekan-Pekan Kecil di seluruh Negeri Perak bagi menaiktaraf kehidupan rakyat luar bandar telah bermula pada tahun 2011 dengan menyasarkan 41 lokasi di seluruh Negeri Perak.

Objektif utama adalah untuk mencipta dan mengagih peluang ekonomi kepada masyarakat Bumiputera dengan membangunkan pusat komersial di luar bandar bagi merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan-kawasan tersebut.

Sehingga tahun 2016, Empat (4) Pekan Kecil iaitu di Lekir, Kubu Gajah, Manong dan Gunung Semanggol telah memperolehi CCC dan beroperasi sepenuhnya. Manakala (lima) 5 lagi iaitu Pekan Kecil Simpang 5, Lawin, Bagan Datuk, Slim Village dan Temoh dijangka memperolehi CCC selewat-lewatnya pada April 2017. Pekan Kecil Bandariang dan Changkat Jong masih dalam pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017.

Seterusnya lapan (8) Pekan Kecil dalam perancangan untuk pembangunan pada tahun 2017 dan 19 lagi dalam peringkat kajian untuk dibangunkan pada tahun 2017 hingga 2018.

Konsep dan komponen asas Pembangunan Semula Pekan Kecil yang lengkap dijenamakan sebagai Dataran Amanjaya seperti berikut :

- i. Kedai
- ii. Gerai Desa
- iii. Dataran



Daripada ketiga-tiga komponen ini, 'Kedai' akan dijual kepada usahawan tempatan yang berkeelayakan manakala 'Gerai Desa' dan 'Dataran' akan diserahkan milik kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Projek	Butiran
Pekan Kecil Trong	Komponen: • 12 unit Kedai Pejabat • 5 unit Kedai Desa Telah beroperasi dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada Oktober 2014. 
Dataran Amanjaya Sauk	Komponen: • 12 unit Kedai Desa • 6 unit Gerai Desa • Dataran Telah beroperasi dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 10 Jun 2015. 

Projek	Butiran
Pekan Amanjaya Ijok	Komponen: • 7 unit Kedai Desa Telah beroperasi dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 9 Julai 2015. 
Dataran Amanjaya Lekir	Komponen: • 6 unit Kedai Desa • 5 unit Gerai Desa • Dataran Telah beroperasi dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 31 Mei 2016.  
Dataran Amanjaya Kubu Gajah	Komponen: • 4 unit Kedai Desa • 4 unit Gerai Desa • Pasar Telah beroperasi dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 9 Ogos 2016.  
Dataran Amanjaya Manong	Komponen: • 4 unit Kedai Desa • 4 unit Gerai Desa • Dataran Telah siap sepenuhnya dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 1 November 2016.  

Projek	Butiran
Dataran Amanjaya Gunung Semanggol	Komponen: • 4 unit Kedai Desa • 3 unit Gerai Desa • Dataran Telah siap sepenuhnya dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 21 Disember 2016.
Dataran Amanjaya Simpang Lima	Komponen: • 8 unit Kedai Desa • 4 unit Gerai Desa • Dataran Dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017.
Dataran Amanjaya Lawin	Komponen: • 4 unit Kedai Desa • 4 unit Gerai Desa • Dataran Dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017.
Dataran Amanjaya Bagan Datuk	Komponen: • 4 unit Kedai Desa • 6 unit Gerai Desa • Dataran Dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017.

Projek	Butiran
Dataran Amanjaya Slim Village	Komponen: • 4 unit Kedai Desa • 4 unit Gerai Desa • Dataran Dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017.  
Dataran Amanjaya Temoh	Komponen: • 4 unit Kedai Desa • 4 unit Gerai Desa • Dataran Dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017.  
Dataran Amanjaya Bandariang	Komponen: • 6 unit Kedai Desa • 4 unit Gerai Desa • Dataran Dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017.  
Dataran Amanjaya Changkat Jong	Komponen: • 7 unit Kedai Desa • 4 unit Gerai Desa • Dataran Dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017.  

5.0 PERANAN SEBAGAI AGENSI PEMBANGUNAN USAHAWAN

5.1 Rakan Niaga Strategik



PKNP menyediakan Skim Rakan Niaga Strategik iaitu modal niaga disediakan dan PKNP juga menjadi rakan niaga strategik kepada syarikat-syarikat yang berpotensi dan berdaya maju.

Sejak mula diperkenalkan, skim ini telah menerima maklum balas yang baik daripada usahawan dengan menerima 13 permohonan yang berpotensi untuk diketengahkan. Walau bagaimanapun hanya dua (2) kertas kerja diluluskan untuk tahun 2016.

Skim *hybrid* ini menggabungkan pembiayaan venture capital, pelaburan konvensional dengan program mentor serta bimbingan dan nasihat yang memberi manfaat kepada usahawan dan pelabur (PKNP). Suntikan modal dilakukan melalui penerbitan saham biasa atau saham keutamaan. PKNP akan menganggotai Lembaga Pengarah syarikat berkaitan untuk berkongsi pengalaman, budaya korporat dan amalan perniagaan namun PKNP tidak terlibat secara langsung dengan operasi syarikat.

5.2 Pembangunan Usahawan & Pemasaran Produk

PKNP telah mewujudkan Unit Pengedaran Produk Industri Desa (Distribution Centre - DC) bagi membantu memasarkan produk-produk usahawan industri desa ke pasaran tempatan ke arah meningkatkan jualan dan pendapatan usahawan. Seramai 25 orang usahawan telah menyertai program ini dan 50 jenis produk telah dikumpul dan dipasarkan. Pasaran produk meliputi 30 outlet / premis perniagaan sekitar Daerah Kinta, Kuala Kangsar dan Kampar.

5.3 Sosioekonomi



Demi membantu usahawan-usahawan bimbingan PKNP memperkenalkan, mempromosi dan membuat jualan produk-produk. Usahawan-usahawan juga di beri peluang menyertai ekspso anjuran

agensi-agensi keusahawanan peringkat negeri / persekutuan setiap tahun.

Selain daripada penyertaan ekspso, sesi 'business matching' dan 'business pitching' juga diatitkan bersama usahawan untuk memberi peluang usahawan bertemu pembekal dan pemborong untuk meluaskan jaringan perniagaan.

PKNP telah membaik pulih 18 lot premis sewaan 'Terminal Makanan Halal' di Kampung Acheh, Manjung bagi tujuan pengeluaran pensijilan HALAL dan MeSTI oleh Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kesihatan Negeri Perak kepada usahawan-usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

PKNP juga menjadi agensi yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk memupuk dan memperkasa budaya keusahawanan di peringkat sekolah-sekolah menengah Negeri Perak melalui Program Tunas Niaga (PROTUNE).



5.3.1 Program Tunas Niaga (PROTUNE)

Pada tahun 2016, Perak telah dipilih sebagai tuan rumah Konvensyen PROTUNE Peringkat Kebangsaan untuk tahun berakhir 2015. Program ini telah berlangsung dengan jayanya pada 11 hingga 13 Mac 2016 bertempat di Amanjaya Convention Centre Casuarina@ Meru, Meru Raya, Ipoh, Perak.

Kategori yang telah dipertandingkan dan keputusan keseluruhan konvensyen adalah seperti berikut: -

Kategori Anugerah	Nama Sekolah	Negeri	Kedudukan Tempat
Laporan Syarikat Terbaik	SMKA Kerian	Perak	Pertama
	SMK Gombak Setia	Selangor	Kedua
	SMK King George V	Negeri Sembilan	Ketiga
Produk Terbaik	Madrasah Idrisiah	Perak	Pertama
	SMKA Arau	Perlis	Kedua
	SMK Wakaf Bharu	Kelantan	Ketiga
Perkhidmatan Terbaik	SMK Padang Temu	Melaka	Pertama
	SMKA Al-Attas	Pahang	Kedua
	Ma'ahad Attarbiyah Al-Islamiah	Perlis	Ketiga
Persembahan Terbaik	SMK Gombak Setia	Selangor	Pertama
	SMK Sultan Abdullah	Perak	Kedua
	SM Sains Muzaffar Shah	Melaka	Ketiga
Booth Pameran Terbaik	SM Sains Sultan Ahmad Shah	Pahang	Pertama
	SMK Daya Bumi 2	Johor	Kedua
	SM ST Micheal Penampang	Sabah	Ketiga
Guru Pembimbing Terbaik	SMK Wakaf Bharu	Kelantan	Johan
	SM Sains Muzaffar Shah	Melaka	Naib Johan
Keseluruhan Terbaik	Perak Darul Ridzuan		Pertama
	Pahang Darul Makmur		Kedua
	Melaka Bandaraya Bersejarah		Ketiga
Catur Bistari Terbaik	Maktab Sultan Abu Bakar	Johor	Pertama
	SMK Seri Ampangan	Negeri Sembilan	Kedua
	SM Sains Sultan Azlan Shah	Perak	Ketiga

5.3.2 Program Latihan Pembangunan Usahawan


Pelbagai program keusahawanan seperti bengkel, kursus, kelas dan karnival telah dijalankan bagi membantu usahawan untuk mendapatkan pendedahan terkini mengenai peluang-peluang perniagaan, geran-geran yang diperuntukkan oleh kerajaan dan pembiayaan dari agensi-agensi keusahawanan untuk memperkasa keusahawanan dan mengembangkan perniagaan.

Senarai Aktiviti Pembangunan Usahawan Sepanjang Tahun 2016

Program	Anjuran	Tempat	Tarikh	Bilangan Peserta
Sembang Petang Bersama Usahawan Berjaya	SMECorp Malaysia (Cawangan Perak)	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	10 Feb 2016	100 orang
Program Bina Niaga	Dewan Perdagangan Islam Malaysia Perak	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	5 Mac 2016	100 orang
Taklimat Usahawan	INSKEN	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	29 Mac 2016	50 orang
Seminar Hartanah Keusahawanan	Dewan Perdagangan Islam Malaysia Perak	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	2 April 2016	50 orang
Kajian Usahawan Di Kalangan Belia Perak	Universiti Teknologi Petronas	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	14 April 2016	100 orang
'The 12 Steps To Successful Exporting'	Martrade	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	21 Julai 2016	100 orang

Program	Anjuran	Tempat	Tarikh	Bilangan Peserta
Program Borong Di Luar Negara	Amanah Ikhtiar Malaysia	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	30 Jul 2016	200 orang
Program Promosi Melalui Pengiklanan Video	Povard Mara Seremban	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	1 Ogos 2016	60 orang
Program Borong Di Vietnam & China	Amanah Ikhtiar Malaysia	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	18 Ogos 2016	200 orang
<i>Public Private Research Network</i>	Universiti Perguruan Sultan Idris Shah	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	30 Ogos 2016	50 orang
Kursus Halal & MeSTI	SIRIM, MARDI MARA & PKNP	RTC Gopeng Perak	11 Oktober 2016	100 orang
Program Ekspot Produk Usahawan	Amanah Ikhtiar Malaysia	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	12 Oktober 2016	200 orang
Karnival Kemahiran dan Keusahawanan	MAGIC KL	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	17 Oktober 2016	60 orang
Keusahawanan	SMECorp Malaysia (Cawangan Perak)	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	27 Okt 2016	60 orang
Taklimat Pensijilan Melalui Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu Anjuran Kementerian Sumber Manusia	Sinar Ummah Berhad	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	30 Oktober 2016	45 orang
Fiesta Wanita Kreatif	Pergerakan Wanita UMNO Malaysia	Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)	11 – 13 Nov 2016	3 usahawan
Satu Daerah Satu Industri (SDSI)	Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak	MITC Ayer Keroh, Melaka Convention Center	24 – 27 Nov 2016	5 orang
Kursus Apresiasi Halal	Felcra Ipoh	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	3 – 6 Dis 2016	20 orang

Program Keusahawanan



Program Tunas Niaga (Protune) Peringkat Kebangsaan di Amanjaya Convention Centre Casuarina@Meru, Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak 11 – 13 Mac 2016



Perak tuan rumah Konvensyen PROTUNE

IPoh - Perak dipilih sebagai tuan rumah Konvensyen Tunas Niaga (PROTUNE) Peringkat Kebangsaan 2015. Peringkat Kebangsaan ini diadakan di Amanjaya Convention Centre Casuarina@Meru, Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak.



Perak juara PROTUNE Kebangsaan 2015



Semua ini (gambar, kanan) bersama pasukan Perak yang muncul sebagai juara dalam pertandingan Peringkat Kebangsaan 2015.

IPoh - Pasukan Perak muncul sebagai juara dalam pertandingan Peringkat Kebangsaan 2015.

Peringkat Kebangsaan ini diadakan di Amanjaya Convention Centre Casuarina@Meru, Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak.

Pengumuman

IPoh - Pasukan Perak muncul sebagai juara dalam pertandingan Peringkat Kebangsaan 2015.

Peringkat Kebangsaan ini diadakan di Amanjaya Convention Centre Casuarina@Meru, Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak.



Kraf Peringkat Kebangsaan di Kompleks Kraftangan Malaysia 24 Feb – 6 Mac 2016



Bengkel Kolaborasi Bersama Pusat Penyelidikan Geosains dan Mineral Malaysia 24 Ogos 2016



Program Satu Daerah Satu Industri Di MITC, Ayer Kroh Melaka 22 – 28 November 2016



Program Satu Daerah Satu Industri Di Mitc, Ayer Kroh Melaka

22 – 28 November 2016



Program Wanita Kreatif di PWTC

11 – 13 November 2016



Terminal Makanan Halal IKS Kampung Aceh, Manjung



6.0 PERANAN SEBAGAI PEMEGANG AMANAH



Selaras dengan peranannya sebagai pemegang amanah, Kumpulan PKNP akan terus berperanan untuk memegang dan menambah nilai aset perniagaan sehingga ia berupaya diuruskan dan diambil alih masyarakat perniagaan Bumiputera pada masa hadapan. Sehingga tahun 2016, Kumpulan PKNP masih mempunyai pegangan dalam Perak Corporation Berhad, Majuperak Holdings Berhad dan Seacera.

Kuota Bumiputera dengan nisbah sebanyak 77% dalam projek-projek pembangunan Kumpulan PKNP dan 50% dalam projek-projek komersial masih dikekalkan. Bumiputera yang berkeelayakan tetap diberi keutamaan dalam projek-projek pembangunan yang sedang dan bakal dilaksanakan.



فريڤادانن كمالجوان نكزي فريڤاد
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

7.0 PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL (CSR) KUMPULAN PKNP TAHUN 2016

JANUARI

Tiada

FEBRUARI

2

Sumbangan penajaan Kejohanan Hoki Piala Sultan Azlan Shah Ke-25 (2016) sebanyak RM450,000.

MAC

3

Sumbangan kepada *The Malay College Old Boys Association* (MCOBA) MCKK sempena MCKK *Premier Sevens Rugby Tournament* 2016 sebanyak RM10,000.

23

Sumbangan penajaan kepada KESDAR/PETANDA untuk Kejohanan Sukan kali ke-6 sebanyak RM5,000.

23

Sumbangan bagi Kejohanan SUKMA 2017 kali XVII sebanyak RM10,000.

30

Sumbangan kepada 23 buah rumah rakyat di kawasan Bota bagi baik pulih untuk sebanyak RM100,000.

APRIL

1

Sumbangan sempena Majlis Perasmian Sekolah Kebangsaan Tanah Hitam pada 5 April 2016 sebanyak RM5,000.

1

Sumbangan kepada Persatuan Pengadil Bolasepak Perak sebanyak RM5,000.

1

Sumbangan penajaan Program *International Cultural* 2016 Universiti Teknologi Petronas sebanyak RM2,500.

7

Sumbangan kepada Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Golf Keputeraan DYMM Sultan Perak Siri sebanyak RM20,000.

7

Sumbangan untuk Dana Waqaf Perak Ar-Ridzuan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak sebanyak RM100,000.

12

Sumbangan penajaan acara *Perak River Endurance* 2016 sebanyak RM50,000.

13

Sumbangan penajaan sempena Karnival Keusahawanan dan Konvensyen Usahawan Kreatif dan Inovatif, *Empowering Young Entrepreneurs* (EYES) sebanyak RM 1,000.

13

Sumbangan bagi Program Tanggungjawab Sosial Korporat Kumpulan PKNP untuk pemberian Berita Harian di sekolah sebanyak RM7,500.

14

Sumbangan cenderahati untuk Kejohanan Bowling Media pada 17 Februari 2016 bernilai RM5,200.

26

Sumbangan kepada Masjid Ar-Rahmaniah Gunung Semanggol sebuah Van Jenazah (Toyota Hiace) yang berharga RM123,229.

28

Sumbangan penajaan barang-barang keperluan harian kepada masyarakat asli di Kampung Selaor dan Kampung Kelat, di Hutan Simpan Temenggong Gerik sebanyak RM8,000.

28

Sumbangan untuk Persidangan Antarabangsa Bahasa (Universiti Teknologi MARA Perak) sebanyak RM18,000.

MEI

- | | |
|-----------|---|
| 10 | Sumbangan kepada Majlis Sukan Negara Perak bagi Kejohanan Tenpin Bowling MAKSAM Malaysia sebanyak RM10,000. |
| 11 | Sumbangan penajaan kepada <i>Malaysian English Language Teaching Association</i> (MELTA) <i>International Conference</i> bermula 30 Mei hingga 1 Jun 2016 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Amanjaya Casuarina@Meru sebanyak RM10,000. |
| 26 | Sumbangan kepada Fakir Miskin sempena bulan Ramadhan bagi DUN Behrang untuk tahun 2016 sebanyak RM10,000. |
| 31 | Sumbangan penajaan bagi liputan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak di atas nama Terranego Media Sdn. Bhd sebanyak RM182,500. |

JUN

- | | |
|-----------|--|
| 3 | Sumbangan kepada Masjid Ar-Rahmaniah, Gunung Semanggol sebanyak RM20,000 untuk memasang karpet baru. |
| 6 | Sumbangan kepada Pusat Anak Permata sebanyak RM5,000 untuk aktiviti yang dijalankan di sepanjang tahun 2016. |
| 23 | Sumbangan kepada Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan (SBM) Cawangan Perak dengan pemberian duit raya di Majlis Berbuka Puasa pada 24 Jun 2016 di Hotel Casuarina @ Meru sebanyak RM2,600. |

JULAI

- | | |
|-----------|---|
| 22 | Sumbangan kepada Yana Rizki Enterprise untuk bakal Jemaah Haji sebanyak RM18,000. |
| 27 | Sumbangan Penajaan Program Golf Aidilfitri Kelab Golf Kinta yang berlangsung pada 23 hingga 24 Julai 2016 sebanyak RM3,000. |

OGOS

- | | |
|-----------|---|
| 18 | Sumbangan kepada Yayasan Kemajuan Islam Darul Ridzuan bagi Korban Perdana Sebanyak RM380,000. |
| 18 | Sumbangan penajaan untuk Kejohanan Tenis 3rd Merdeka Closed Junior Invitational 2016 sebanyak RM5,000. |
| 18 | Sumbangan kepada Team Berbasikal Kelab Sukan & Kebajikan Audit Perak ke Program Kayuhan Merdeka 2016 anjuran Kelab Audit Wilayah Persekutuan Jabatan Audit Negara sebanyak RM2,500. |
| 18 | Sumbangan kepada Masjid Toh Paduka, Kampung Masjid, Ijok bagi pembinaan Balai Lintang sebanyak RM76,000. |
| 30 | Sumbangan kepada Persatuan Pemain Golf Melayu Perak bagi program Jelajah Golf Siri 2, yang berlangsung di Teluk Intan pada September 2016 berjumlah RM1,500. |

SEPTEMBER

- | | |
|-----------|--|
| 9 | Sumbangan kepada Dewan Perniagaan India Perak untuk Bengkel Kepimpinan Patriotisma dan Keusahawanan Belia berjumlah RM5,000. |
| 27 | Sumbangan kepada Kesatuan Ragbi Perak sebanyak RM50,000. |

OKTOBER

- | | |
|-----------|--|
| 19 | Sumbangan kepada Universiti Sultan Azlan Shah Bukit Chandan untuk Program Persidangan Pemikiran Tamadun Islam Dunia kali ke 3 yang berlangsung pada 18 hingga 20 Oktober 2016 bertempat di Hotel Casuarina @ Meru sebanyak RM50,000. |
|-----------|--|

NOVEMBER

11	Sumbangan bagi Program “Sungai Perak Rakit <i>Challenge</i> SPRC 2016” yang diadakan pada 19 November 2016 sebanyak RM50,000.
16	Sumbangan kepada Institut Darul Ridzuan bagi Program Dialog Pembangunan Antarabangsa Pangkor (PIDD) 2016 sebanyak RM150,000.
28	Sumbangan Program anjuran Persatuan Pelatih Islam (PPI) (Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia) sebanyak RM1,000.
30	Sumbangan kepada Persatuan Sukarelawan Belia Amanjaya bagi Program <i>Amanjaya Intership</i> IV PKNP sebanyak RM10,000.

DISEMBER

16	Sumbangan untuk Kempen Keselamatan Pencegahan Jenayah Polis Diraja Malaysia dan RELA sebanyak RM10,000.
29	Sumbangan penajaan kepada Kerajaan Negeri Perak bagi tujuan penerangan isu Khazanah Research Institut (KRI) sebanyak RM76,320.
29	Sumbangan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Kampar bagi Majlis Persaraan Pegawai, Pertukaran Kakitangan serta Hari Keluarga berjumlah RM5,000.

8.0 LAPORAN SUMBER MANUSIA

8.1 Status Modal Insan Peringkat Kumpulan dan PKNP



Modal insan sentiasa diiktiraf sebagai tunggak utama kepada pencapaian misi dan objektif Kumpulan PKNP. Bagi tahun 2016, pengurusan modal insan Kumpulan PKNP dilakukan dengan lebih berhemah dan dijangka akan terus berbuat demikian terutama dalam urusan pengambilan, selaras dengan pelan strategik perniagaan syarikat. Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2016, kekuatan modal insan peringkat Kumpulan dan PKNP adalah seramai 1,399 orang. Pecahan mengikut syarikat dan pertubuhan adalah seperti berikut:

Syarikat / Pertubuhan	Warga kerja (orang)
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP)	141
Majuperak Holdings Berhad (MHB)	47
Perak Corporation Berhad (PCB)	176
Perak Industrial Resources Sdn Bhd (PIRSB)	50
Perak Halal Corporation Sdn Bhd (PHCSB)	13
Perak Investment Management Centre (PIMC)	7
Casuarina Hotel Management Sdn Bhd (CHMSB)	161
Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd (LMTSB)	235
Animation Theme Park Sdn Bhd (ATPSB)	425
Abid Samudra Sdn Bhd (ASSB)	21
Destination Perak Sdn Bhd (DPSB)	23
Nexus Jade Sdn Bhd (NJSB)	10
Terra Project Partners Sdn Bhd (TPPSB)	20
Kelab BolaSepak Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP FC)	70
JUMLAH	1399

8.2 Program-Program Penguken Modal Insan 2016

Pihak pengurusan Kumpulan PKNP juga turut komited untuk meneruskan usaha penguken modal insan bagi membentuk budaya kerja berprestasi tinggi dalam kalangan warga kerja Kumpulan PKNP. Program-program pembudayaan integriti dan penerapan nilai-nilai korporat Kumpulan PKNP iaitu **Think Big, Entrepreneurship, Stakeholder Success, Outcome Oriented** dan Risk Taking di bawah platform Program Transformasi Budaya (CTP) dengan tagline '**Moh Kite, Change The Landscape**' terus dilaksanakan bagi tahun 2016. Antara aktiviti yang berterusan dilaksanakan adalah pelaksanaan Idea Bank dan CTP Morning Briefing.

Selaras dengan usaha mencapai tahap warga kerja yang mempunyai nilai moral dan etika tinggi serta nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh yang bersesuaian dengan aspirasi 'Cultural Transformation Program (CTP) kumpulan PKNP, kursus-kursus pendedahan dan kefahaman integriti telah diadakan untuk seluruh warga kerja Kumpulan PKNP mulai tahun 2016.

Modal insan adalah kunci kepada kejayaan Kumpulan PKNP juga amat menitikberatkan penguken kompetensi modal insan dengan mengadakan program-program latihan dalaman dan luaran yang bertujuan untuk memastikan semua warga kerja agar bersedia berada pada tahap kesediaan optimum untuk menjalankan tugas masing-masing dan menyumbang kepada kemajuan organisasi seterusnya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga kerja

Bagi mengukur keberkesanan dan mengesan perubahan yang signifikan terhadap budaya kerja Kumpulan PKNP, satu alat pengukuran *Employees Commitment Index (ECI)* digunakan untuk mengukur tahap komitmen warga kerja dalam membudayakan nilai korporat semasa melaksanakan tugas. ECI kali ke - 3 telah dilaksanakan pada Mac 2016 dan terdapat peningkatan yang positif daripada skor 7.68 (Sep 2015) kepada skor 7.86.



mengikut fungsi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Program-program latihan dalaman yang telah dijalankan bagi sepanjang tahun 2016 adalah sebanyak 20 kursus seperti berikut:

Program / Kursus	Tempat	Tarikh	Bil. Peserta
<i>Sales Excellence Training (Module II)</i>	Kinta Riverfront Hotel	18-19 Januari 2016	22
Kursus Integriti: <i>Half Day Integrity Engagement with HODs</i>	Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh	20 Januari 2016	57
Kursus Integriti Siri 1	Auditorium SPRM Perak	16 Februari 2016	30
<i>Sales Excellence Training (Module III)</i>	Kinta Riverfront Hotel	23-24 Februari 2016	22
Kursus Integriti Siri 2	Auditorium SPRM Perak	10 Mac 2016	39
Program Motivasi Menyerlahkan Mindset dan Kecemerlangan Karakter	Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh	21 & 22 Mac 2016	326
Kursus Penyediaan dan Penulisan Kertas Kerja	Hotel Tower Regency, Ipoh	25-26 April 2016	28
Kursus Integriti Siri 3	Auditorium SPRM Perak	27 April 2016	38
Kursus Integriti Siri 4	Auditorium SPRM Perak	26 Mei 2016	35
Tazkirah Ramadhan: Integriti di Tempat Kerja	Hotel Casuarina@ Meru, Ipoh	29 Jun 2016	306
Kursus Integriti Siri 5	Auditorium SPRM Perak	24 Ogos 2016	31
<i>Individual & Organisational Excellence</i>	Hotel Tower Regency, Ipoh	27-28 Sept.2016	30
<i>Individual & Organisational Excellence</i>	Hotel Tower Regency, Ipoh	29-30 Sept. 2016	30
Sentiasa Relevan (STAR) (Eksekutif & Bukan Eksekutif)	Hotel Tower Regency, Ipoh	5-6 Oktober 2016	60
Strategic Alignment Program	Impiana Hotel Ipoh	18-19 Oktober 2016	18
Kursus Integriti Siri 6	Auditorium SPRM Perak	18 Oktober 2016	36
Leadership Advancement Program	Heritage Hotel, Ipoh	27-28 Oktober 2016	18
Kursus Integriti Siri 7	Auditorium SPRM Perak	15 November 2016	34
Value Stream Mapping	Kinta Riverfront Hotel	16-17 November 2016	20
Transformational Leadership Program	Kinta Riverfront Hotel	22-23 November 2016	19

9.0 PROSPEK MASA HADAPAN



Prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang dijangka positif pada tahun 2017 adalah berasaskan ekonomi global yang bertambah baik dan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan. Aktiviti pelaburan dalam negeri akan disokong oleh perbelanjaan modal dalam industri berorientasikan eksport, terutamanya sektor perkilangan. Pelaksanaan projek infrastruktur berskala besar yang berterusan juga akan menyokong aktiviti pelaburan pada masa hadapan.

Sementara itu, penggunaan swasta dijangka terus mampan disebabkan oleh pertumbuhan upah yang berterusan dan langkah-langkah sokongan pertumbuhan oleh Kerajaan baru-baru ini. Bagi sektor awam, Kerajaan akan terus komited terhadap konsolidasi fiskal, yang akan dicapai melalui penyusunan semula perbelanjaan awam mengikut keutamaan dan pengurangan perbelanjaan untuk barangan yang tidak kritikal. Sektor awam dijangka terus memberikan sumbangan positif kepada pertumbuhan melalui pelaburan awam yang berterusan dalam sektor tertentu.

YAB Dato' Seri DiRaja Dr Zambry Abd Kadir selaku Menteri Besar Perak telah membentangkan Bajet 2017 Negeri Perak pada 17 November 2016. Kerajaan Negeri Perak telah mengumumkan Bajet 2017 kali ini akan membelanjakan sebanyak RM 1.078 billion di mana RM806.3 juta diperuntukkan sebagai perbelanjaan mengurus manakala RM401.8 juta bagi perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan bajet 2017 kali ini akan melonjakkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat selaras dengan tema 'Pertumbuhan dan Kesejahteraan'.

Bajet 2017 dibentangkan oleh YAB Menteri Besar Perak itu merangkumi beberapa sektor seperti:

- Sektor pelancongan,
- Pembangunan Bandar,
- Perindustrian,
- Perhutanan,
- Pertanian,
- Penternakan,
- Perikanan,
- Pengupayaan
- Ekonomi Rakyat,
- Pentadbiran dan Pengurusan,
- Pendidikan,
- Pemerkasaan Generasi Muda dan Belia,
- Sosial dan Keagamaan,

- Jaringan Infrastruktur,
- Menyejahterakan Kehidupan Rakyat,
- Pembasmian Kemiskinan,
- Keselamatan,
- Pengangkutan Awam,
- Pembangunan Wanita dan Kebajikan.

Namun begitu, Kumpulan PKNP masih meneruskan cadangan pembangunan yang telah dirancang bagi membantu meningkatkan ekonomi dan sosioekonomi negeri Perak. Pembangunan Wilayah Perak Selatan masih meneruskan projek-projek berskala besar (*High Impact Project*) di Daerah Hilir Perak, Bagan Datoh, Batang Padang dan Daerah Mualim.

Sehubungan itu, Negeri Perak juga akan merasmikan penubuhan daerah ke-12 iaitu daerah Bagan Datoh. Penubuhan daerah baru ini selari dengan perancangan Pelan Pembangunan Wilayah Perak Selatan iaitu Pembangunan Pelabuhan dan Industri Bagan Datoh (PHIP) serta Bandar Pelabuhan Rungkup.

MAPS juga dalam proses fasa terakhir dan bakal dibuka pada tahun 2017. Bandar Meru Raya juga akan dilengkapi dengan wujudnya Bulatan Amanjaya yang telah dibuka pada orang awam, akan wujudnya kawasan berniaga *uptown* dan *food truck* serta Restoran Rumah Tradisional Melayu yang bakal siap.

Kerajaan Negeri juga memberi mandat dan kepercayaan kepada PKNP untuk menyiapkan projek pelaksanaan pembangunan pekan kecil di seluruh Negeri Perak. PKNP perlu menyiapkan sebanyak 41 pekan kecil dan dijangka akan meningkatkan lebih peluang ekonomi kepada masyarakat Bumiputera dengan membangunkan pusat komersial di luar bandar bagi merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan-kawasan tersebut.

Semoga tahun yang mendatang ini akan mempertingkatkan ekonomi dan taraf hidup khususnya rakyat setempat dan penduduk di Negeri Perak.

10.0 PENGHARGAAN



Saya bagi pihak Lembaga Pengarah PKNP ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah PKNP dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah syarikat anak Kumpulan PKNP. Komitmen yang berterusan dan sokongan teguh mereka telah berjaya meletakkan entiti ini di atas landasan yang kukuh dan seterusnya mengekalkan prestasi sebagai agensi Kerajaan Negeri yang berjaya dan cemerlang dalam menerajui pembangunan ekonomi Negeri Perak.

Ucapan terima kasih juga saya rakamkan kepada pihak pengurusan dan seluruh warga kerja Kumpulan PKNP. Sesungguhnya kejayaan PKNP hari ini sebahagian besarnya adalah hasil sumbangan berharga dan dedikasi pasukan pengurusan dan seluruh warga kerjanya.

Setinggi-tinggi terima kasih juga saya rakamkan kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan,

jabatan kerajaan serta agensi swasta dan NGO di atas sokongan tanpa jemu dan kerjasama yang berterusan dalam membantu PKNP merealisasikan usaha-usaha memacu ekonomi Negeri Perak.

Komitmen dan dedikasi tinggi yang kukuh dan berkekalan yang telah ditunjukkan oleh semua pihak telah berjaya membantu PKNP menangani cabaran sepanjang tahun 2016, bahkan menjadi semakin kuat dan lebih bersedia mengharungi tahun-tahun mendatang yang tentunya lebih mencabar lagi dalam meneruskan kesinambungan membangunkan ekonomi dan sosial demi kesejahteraan Negeri Perak dan rakyatnya. Sekian, terima kasih.

DATO' AMINUDDIN BIN MD. DESA

Ketua Eksekutif

Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak



DIARI KORPORAT 2016

8 Jan

Perutusan Ketua Eksekutif

YBhg. Dato' Aminuddin Bin Md. Desa, menyatakan harapan beliau dalam menjayakan pelan transformasi yang telah dijalankan selama hampir tiga tahun agar Kumpulan PKNP dapat menyambut ulang tahun ke-50 dalam kecemerlangan serta disambut dengan kebanggaan oleh rakyat Perak menjelang tahun 2017.



JANUARI

13 Jan

Majlis Penyerahan Spesimen Herbarium & Insectarium

Tuan Sayed Shariffuddin Bin Sayed Shamsuddin, Timbalan Ketua Eksekutif (Perkhidmatan Korporat) Kumpulan PKNP (kiri), menyerahkan spesimen kepada wakil Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Penyerahan spesimen ini adalah untuk tujuan pembelajaran, penyelidikan dan pameran kerana pihak UPSI sedang giat menjalankan penyelidikan Herbarium dan Insectarium di sekitar hutan Negeri Perak.



18 Jan

Lawatan Tapak Bagi Kajian 'Detailed Environment Impact Analysis' Study (DEIA)

Kumpulan PKNP telah menganjurkan satu lawatan tapak bagi Kajian Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling atau dikenali sebagai 'Detailed Environment Impact Analysis' Study (DEIA) di tapak cadangan bagi kawasan Taman Perindustrian Berat Perak 'Perak Heavy Industrial Park' (PHIP) di Rungkup, Bagan Datoh, Perak.



1 Feb

Majlis Perasmian Projek Pembangunan Perumahan Mampu Milik Suria @ Meru & Portal Rumahku Amanjaya

Kumpulan PKNP melalui anak syarikatnya PCB Development Sdn Bhd sebagai pemaju bagi satu lagi projek pembangunan perumahan mampu milik di Suria@Meru yang terletak di Zon 9, Bandar Meru Raya dalam memastikan kesejahteraan dan keseimbangan ekonomi kepada rakyat di Negeri Perak ini. Kumpulan PKNP juga turut melancarkan portal www.rumahkuamanjaya.com.my. Ia merupakan sebuah laman sesawang yang dibangunkan khusus untuk mempromosi dan menjual hartanah kuota Bumiputera.



28 Feb

Karnival Movie Animation Park Studio (MAPS)

Program yang dianjurkan bersama oleh MAPS dan Kumpulan PKNP telah dirasmikan oleh wakil YAB Menteri Besar Perak iaitu YB Dato' Mohammad Zahir Bin Abdul Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri Perak. Para pengunjung diperkenalkan dengan karakter-karakter filem animasi terkenal seperti The Smurfs, BoBoiBoy, Mr. Peabody & Sherman, Megamind & Metroman serta persembahan aksi Stunt Legends.



7 Mac

Majlis Ulangtahun Lumut Maritime Terminal (LMT) Ke-20

Majlis Ulangtahun ke-20 LMT yang diadakan di Taman Perindustrian Pelabuhan Lumut, Kg Acheh, Lumut. Majlis Ulangtahun ke-20 dan lawatan kerja ke tapak projek pembesaran dan pemodenan Pelabuhan Lumut tersebut telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Bin Abd Kadir, Menteri Besar Perak.



13 Mac

Majlis Perasmian Penutupan PROTUNE 2015

Perak telah dipilih menjadi tuan rumah bagi Konvensyen Nasional untuk kali kedua selepas penjenamaan semula dari Program Usahawan Muda (PUM) ke Program Tunas Niaga (PROTUNE). Majlis Perasmian Penutup Konvensyen PROTUNE 2015 yang bertempat di Pusat Konvensyen Amanjaya, Bandar Meru Raya, Ipoh telah disempurnakan oleh YB Dato' Samsudin Bin Abu Hassan, Ahli Majlis Kerajaan Negeri. Turut hadir Tuan Sayed Shariffuddin Bin Sayed Shamsuddin, Timbalan Ketua Eksekutif (Perkhidmatan Korporat) Kumpulan PKNP.



18 Mac

Majlis Penyerahan Bendera Kontingen Sempena Sukan Gemaputera Ke – XIV Sabah 2016

Majlis Penyerahan Bendera Kontingen Kumpulan PKNP bagi Sukan GEMAPUTERA ke-14 Sabah telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Aminuddin Bin Md. Desa, Ketua Eksekutif Kumpulan PKNP yang telah diadakan di Hotel Casuarina@Meru. Seramai 44 orang warga kerja Kumpulan PKNP yang terlibat di dalam kontingen telah hadir dalam majlis tersebut.



23 Mac

Kumpulan PKNP Menduduki Tempat Ke-3 Di Kejohanan Sukan Gemaputera Ke – 14 Sabah 2016

Kumpulan PKNP telah berjaya menduduki tempat ketiga dalam Kejohanan Sukan GEMAPUTERA ke-14 di Sabah baru-baru ini, dengan mengumpul sebanyak 11 mata. Kejohanan ini menyaksikan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menjadi juara keseluruhan diikuti oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) di tempat kedua.



29 Mac

Program Derma Darah 'Derma Darah, Selamatkan Nyawa'

Biro Kebajikan Kelab Warga Kumpulan PKNP menganjurkan Program Derma Darah bertemakan 'Derma Darah, Selamatkan Nyawa' dengan kerjasama Jabatan Transfusi, Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh. Program ini menyasarkan penderma-penderma darah khususnya dari kalangan warga Kumpulan PKNP, kakitangan agensi-agensi kerajaan dan penduduk di sekitar Bandar Meru Raya dan sekitar Bandar Ipoh.



17 Apr

Menaik Taraf Studio Pincer Kerjasama Antara Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dan KRU Malaysia Sdn Bhd

Satu jalinan kerjasama antara pihak Kumpulan PKNP dan pihak KRU Malaysia Sdn Bhd telah dimeterai untuk menggalakkan peluang pelaburan serta meningkatkan industri kandungan kreatif (*creative content*) baik dari kalangan usahawan tempatan mahu pun dari luar negara.



20 Apr

Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2016

Kumpulan PKNP menyertai pameran Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2016 di bawah astaka Kerajaan Negeri yang bertempat di Stadium Mini Tapah. Program yang berlangsung selama 9 hari bermula dari 20-28 April 2016 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Pameran MSAM 2016 ini mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai dan seramai lebih daripada 180,000 orang datang berkunjung ke pameran ini.



19 Mei

Program Pemukiman YAB Menteri Besar Perak Ke Daerah Kerian

Program pemukiman YAB Menteri Besar ke Daerah Kerian berlangsung dari 19-21 Mei 2016. Ia melibatkan kawasan Alor Pongsu, Gunung Semanggol dan Simpang Lima. Program bersifat *people's centric* ini bertujuan untuk menyelami permasalahan rakyat dengan lebih dekat. YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Bin Abd Kadir, Menteri Besar Perak telah turun padang bagi melawat 2 projek di bawah Kumpulan PKNP di daerah Kerian ini iaitu Projek Perumahan Mampu Milik di Alor Pongsu dan Projek Pekan Kecil Dataran Amanjaya Gunung Semanggol.



1 Jun

Program CSR – Sumbangan Keperluan Harian Penduduk Asli Kg. Selaor Dan Kg Kelat di Hutan Simpan Temengor

Kumpulan PKNP menjalankan aktiviti tanggungjawab sosial korporat yang dapat memberi manfaat kepada kesejahteraan serta kepentingan masyarakat dan organisasi. Satu program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah dijalankan di kawasan konsensi Perak Integrated Timber Complex (PITC) di Hutan Simpan Temengor. Ia melibatkan dua kawasan penempatan orang asli iaitu Kampung Selaor dan Kampung Kelat.



13 Jun

Program CSR - Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim dan Miskin Nurul Iman, Manjoi

Biro Kebajikan Kelab Warga Kumpulan PKNP telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim dan Miskin di Pusat Jagaan Anak-anak Yatim & Miskin Nurul Iman, Manjoi, Ipoh. Matlamat program ini adalah meraikan golongan anak yatim dan miskin sempena bulan Ramadhan al-Mubarak. Seramai 50 orang warga kerja Kumpulan PKNP turut serta dalam meraikan majlis berbuka puasa ini.



24 Jun

**Program CSR - Majlis Berbuka
Puasa Bersama Pertubuhan
Orang Cacat Penglihatan (SBM)
Cawangan Perak**

Kumpulan PKNP meraikan 60 orang dari Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan (SBM) Cawangan Perak di Hotel Casuarina@Meru sempena bulan Ramadhan al-Mubarak. Tuan Sayed Shariffuddin Bin Sayed Shamsuddin, Timbalan Ketua Eksekutif (Perkhidmatan Korporat) Kumpulan PKNP telah menyampaikan sumbangan duit raya sebanyak RM50 seorang berserta sejadah kepada mereka yang diraikan.



24 Jun

**Program CSR - 'Beli Baju Raya'
@Megopleks, Medan Gopeng**

Biro Kebajikan Kelab Warga Kumpulan PKNP telah menganjurkan Program 'Beli Baju Raya' yang bertempat di Kompleks Megopleks, Medan Gopeng, Ipoh. Program tersebut melibatkan seramai 25 orang daripada Rumah Anak-anak yatim Soleha, Tanjung Tualang.

Tujuan program ini adalah untuk meraikan golongan anak-anak yatim dan miskin membuat persiapan awal sempena menyambut Aidilfitri yang bakal menjelang tiba. Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam bulan Ramadhan ini menjadi suatu tradisi bagi Kumpulan PKNP pada setiap tahun bagi meringankan beban dan meraikan golongan kurang bernasib baik.



18 Jul

**Sambutan Rumah Terbuka
Warna-Warni Aidilfitri
2016 Kumpulan PKNP**

Biro Kebajikan Kelab Warga Kumpulan PKNP telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim dan Miskin di Pusat Jagaan Anak-anak Yatim & Miskin Nurul Iman, Manjoi, Ipoh. Matlamat program ini adalah meraikan golongan anak yatim dan miskin sempena bulan Ramadhan al-Mubarak. Seramai 50 orang warga kerja Kumpulan PKNP turut serta dalam meraikan majlis berbuka puasa ini.



18 Ogos

Program Pemukiman Yab Menteri Besar Perak Ke Parlimen Larut

Siri Program Pemukiman YAB Menteri Besar Perak kali ini telah memilih lokasi Parlimen Larut khususnya di kawasan Kubu Gajah, Selama dan Batu Kurau. Program selama 5 hari ini yang bermula pada 16 hingga 20 Ogos 2016 ini adalah bertujuan bagi mendengar masalah rakyat dan mencari jalan untuk menangani dan menyelesaikan masalah tersebut.



25 Ogos

Prebiu Eksklusif dan Lawatan Tapak Movie Animation Park Studio (MAPS)

Program ini berlangsung dengan persembahan MAPS yang menarik dan sangat mengujakan daripada pasukan kerja taman tema tersebut yang dihadiri oleh Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Abd. Kadir, ketua-ketua jabatan, Ahli Lembaga Pengarah MAPS dan pihak-pihak berkepentingan utama.



31 Ogos

Kumpulan PKNP Muncul Juara Pertandingan Kawad Hari Kebangsaan 2016 Kategori Badan Berkanun/ PBT Swasta/ NGO

Kontingen kawad Kumpulan PKNP telah muncul sebagai Juara Pertandingan Kawad Hari Kebangsaan kategori Badan Berkanun / PBT / Swasta / NGO bagi tahun 2016. Kali terakhir Kumpulan PKNP memenangi pertandingan ini adalah pada tahun 1993 iaitu 24 tahun yang lalu.



5 Sep

Dialog Pembangunan Antarabangsa Pangkor (Pangkor Dialogue) 2016

Dialog Pembangunan Antarabangsa Pangkor (Pangkor Dialogue) 2016 telah berlangsung pada 5 hingga 7 September bertempat di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh, Perak. Pada tahun ini, pihak penganjur telah memilih tema *"Building Resilience For Inclusive & Sustainable Future"*.



25 Sep

Piala FAM Separuh Akhir Pertama : PKNP FC, FELCRA FC Seri Tanpa Jaringan

Perlawanan antara PKNP FC melawan FELCRA FC dalam perlawanan separuh akhir pertama berakhir dengan seri tanpa jaringan. PKNP FC mengamalkan corak permainan berhati-hati bagi mengelakkan daripada dibolosi oleh pihak lawan. Bermain ditempat sendiri iaitu di Stadium Perak, Ipoh, perlawanan ini disaksikan hampir 3,000 orang penonton.



PENYERANG Felcra, Mohd. Faiz Mohd. Nasir (kanan) cuba ditentang pemain PKNP pada aksi separuh akhir pertama Liga FAM di Ipoh kelmarin yang berkesudahan seri tanpa jaringan.

9 Okt

Piala FAM Separuh Akhir Kedua: PKNP FC Layak Ke Perlawanan Akhir Liga Perdana 2016

Aksi separuh akhir kedua perlawanan Piala FAM antara PKNP FC vs FELCRA di Stadium Arena, Universiti Malaya menyaksikan PKNP FC mengatasi Felcra United dengan agregat 3 - 2.



OKTOBER

20 Okt

Piala FAM 2017 Perlawanan Akhir Pertama : PKNP FC Ketinggalan 0 -1 Kepada MISC-MIFA FC

MISC-MIFA FC mendahului 1-0 ke atas PKNP FC dalam perlawanan akhir pertama yang diadakan di stadium Shah Alam, Selangor. Kesilapan pemain pertahanan PKNP FC pada akhir permainan telah menghadiahkan sepakan penalti kepada MISC-MIFA. PKNP FC akan cuba untuk mengubah defisit satu gol apabila mereka menjadi tuan rumah perlawanan kedua di Stadium Perak di Ipoh pada 27 Oktober



MISC-Mifa hold slender advantage

Last-minute penalty gives them slim first-leg win over PKNP FC in FAM Cup finals



27 Okt

Piala FAM 2017 Perlawanan Akhir Kedua: PKNP FC Berpuas Hati Menjadi Naib Johan Piala FAM 2016

PKNP FC tewas kepada MISC-MIFA FC dengan agregat 3-1 pada perlawanan akhir kedua di Stadium Perak, Ipoh. Pada perlawanan ini, PKNP FC terpaksa beraksi dengan 10 pemain apabila kapten, Mohd Fazli Zulkifli diperintahkan keluar padang setelah mengutip kad kuning kedua.



16 Nov

Majlis Penyerahan Kunci Bagi Pekan Kecil Manong Kuala Kangsar

Kumpulan PKNP telah mengadakan satu majlis penyerahan kunci bagi 4 unit gerai desa Dataran Amanjaya Manong kepada Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK). Dataran ini mula di bina pada bulan November 2014 dan kini telah memperolehi Sijil Perakuan dan Pematuhan (CCC). Dijangkakan Dataran Amanjaya Manong akan beroperasi pada penghujung tahun ini.



22 Nov

Program CSR : Klinik Bolasepak PKNP FC Di Taiping

Klinik Bolasepak PKNP FC adalah program tanggungjawab sosial korporat yang dianjurkan oleh Kumpulan PKNP bersempena program pemukiman YAB Menteri Besar ke Taiping yang bermula pada 22 hingga 26 November 2016. Penganjuran klinik bolasepak yang bertempat di Padang Esplanade, Taiping ini merupakan satu usaha menjenamakan badan korporat ini melalui kelab bola sepaknya iaitu PKNP FC.



28 Nov

Majlis Perasmian Pejabat Korporat Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Oasis Square Ara Damansara

Majlis Perasmian Pejabat Korporat Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Bin Abd Kadir di Oasis Square Ara Damansara. Pejabat ini berfungsi sebagai pejabat korporat Kumpulan PKNP di luar Negeri Perak dan juga berfungsi sebagai pejabat operasi Bahagian Pembangunan Wilayah Selatan (WPS) serta pengurusan tertinggi Kumpulan PKNP. Pejabat korporat ini bukan hanya untuk kegunaan Kumpulan PKNP akan tetapi ia dibuka kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi Negeri Perak dengan tiada mengenakan caj bagi menggunakan bilik mesyuarat di pejabat korporat ini.



8 Dis

Lumut Port Berjaya Memperolehi Akreditasi ISO 9001:2015 Serta Penambahan Dermaga Tongkang (Barge Berth)

Kejayaan mendapatkan akreditasi ISO 9001 : 2015 membuktikan keupayaan Lumut Port untuk menjadi sebuah pelabuhan yang berdaya saingan kompeten. Inisiatif bagi mendapatkan akreditasi ini merupakan satu proses peraturan kualiti yang diamalkan dalam industri mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Dalam



DISEMBER

8 Dis

**Lumut Port Berjaya Memperolehi
Akreditasi Iso 9001:2015 Serta
Penambahan Dermaga Tongkang
(Barge Berth) ..Sambungan**

konteks Lumut Port ini, ISO 9001:2015 adalah satu proses peraturan kualiti dalam industri perkapalan khususnya dan logistik amnya. Majlis Perasmian Akreditasi dan Penambahan Dermaga Tongkang atau barge berth di Lumut Port telah disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kinta, Yang Berhormat Datuk Aminuddin Md Hanafiah mewakili Yang Berhormat Dato' Mohammad Zahir bin Abdul Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor, Negeri Perak semalam.

31 Dis

**Meriah 2017 @
Bulatan Amanjaya**

Sambutan Tahun Baru 2017 di Bulatan Amanjaya di Bandar Meru Raya mendapat sambutan yang meriah daripada pengunjung terutamanya yang berada di sekitar Bandar Ipoh. Kumpulan PKNP melalui Meru Raya Park Sdn Bhd iaitu syarikat yang menguruskan operasi Bulatan Amanjaya mengambil inisiatif mempromosikan Bulatan Amanjaya kepada masyarakat dengan lebih agresif setelah pembukaannya pada 25 November 2016.



Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir

31 Disember 2016



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 11 hingga 69.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Negeri Perak No.3/1967.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Pihak Pengurusan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan Terhadap Penyata Kewangan

Pihak Pengurusan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Negeri Perak No.3/1967. Pihak Pengurusan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan, Pihak Pengurusan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pihak Pengurusan.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pihak Pengurusan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Pihak Pengurusan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen Negeri Perak No.3/1967, saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 16 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Pihak Pengurusan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(MOHD NASRI BIN MOHD NASIR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

IPOH
28 OGOS 2017



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami **Y.A.B Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Hj. Abd. Kadir, SPSA, SPMP, DGSM, DPMP, PAT, AMS** dan **Y.B. Dato' Seri Abdul Puhat Bin Mat Nayan, DPMP, JMN, KMN, PMP, AMP, PPT** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota didalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan kumpulannya pada 31 Disember 2016 dan juga penghasilan serta aliran tunai Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan kumpulannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



.....
Y.A.B DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN HJ. ABD KADIR
SPSA, SPMP, DGSM, DPMP, PAT, AMS
Pengerusi

Bagi pihak Lembaga,



.....
Y.B. DATO' SERI ABDUL PUHAT BIN MAT NAYAN
DPMP, JMN, KMN, PMP, AMP, PPT
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh : **28 AUG 2017**

Ipoh, Perak Darul Ridzuan


PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

Saya, **Dato' Aminuddin bin Md. Desa**, DSDK, no: kad pengenalan 620401-08-5007 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas rekod perakaunan dan pengurusan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota didalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat akuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
penama di atas **Dato' Aminuddin bin Md. Desa**
di Ipoh dalam Negeri Perak Darul Ridzuan
pada **28 AUG 2017**

)
)
)
)



Dihadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH



E-G-2, Greentown Square,
Jalan Dato Seri Ahmad Said,
30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
H/P: 012-5186386

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Nota	KUMPULAN		PERBADANAN	
		2016	2015 (Dinyatakan semula)	2016	2015
		RM	RM	RM	RM
Pendapatan	3	221,081,813	164,678,777	45,587,344	31,467,939
Kos jualan	4	(77,502,570)	(60,138,446)	(8,588,171)	(11,043,857)
Keuntungan kasar		143,579,243	104,540,331	36,999,173	20,424,082
Pendapatan faedah	5	3,090,185	4,767,976	497,791	591,186
Lain-lain pendapatan	6	33,146,154	133,274,882	19,264,261	26,805,949
Perbelanjaan Pentadbiran		(108,239,793)	(91,113,764)	(16,387,605)	(16,866,099)
Rosot nilai pelaburan		-	(6,058,712)	-	(867,942)
Lain-lain perbelanjaan		(50,963,375)	(32,631,191)	(14,951,917)	(16,876,289)
Keuntungan operasi		20,612,414	112,779,522	25,421,703	13,210,887
Kos Kewangan	7	(10,620,209)	(6,644,521)	(7,217,497)	(2,626,198)
Keuntungan/(Kerugian) dari syarikat bersekutu		79,942	(6,426,100)	-	-
(Kerugian) dari entiti bersama		(585,715)	-	-	-
Keuntungan sebelum cukai	8	9,486,432	99,708,901	18,204,206	10,584,689
Cukai pendapatan	9	(19,649,862)	(21,089,376)	(286,612)	(2,694,773)
		(10,163,430)	78,619,525	17,917,594	7,889,916
Keuntungan dari pemberhentian operasi		2,586,699	-	-	-
(Kerugian)/Keuntungan bagi tahun		(7,576,731)	78,619,525	17,917,594	7,889,916
Pelbagai pendapatan komprehensif:					
- (Rugi)/untung nilai saksama aset kewangan sedia dijual		(3,479,849)	1,716,420	(2,686,732)	1,843,836
- Nilai saksama dipindahkan ke akaun untung rugi masa pelupusan		-	(34,605,257)	-	-
		(3,479,849)	(32,888,837)	(2,686,732)	1,843,836
Jumlah (kerugian)/keuntungan dari pendapatan komprehensif		(11,056,580)	45,730,688	15,230,862	9,733,752

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)**

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2016	2015 (Dinyatakan semula)	2016	2015
	RM	RM	RM	RM
Keuntungan diagihkan kepada:				
Pemilik syarikat induk	3,253,984	28,325,851	17,917,594	7,889,916
Pegangan bukan kawalan	(14,310,564)	50,293,674	-	-
	<u>(11,056,580)</u>	<u>78,619,525</u>	<u>17,917,594</u>	<u>7,889,916</u>
Jumlah komprehensif pendapatan diagihkan kepada:				
Pemilik syarikat induk	6,733,833	(4,562,986)	15,230,862	9,733,752
Pegangan bukan kawalan	(14,310,564)	50,293,674	-	-
	<u>(7,576,731)</u>	<u>45,730,688</u>	<u>15,230,862</u>	<u>9,733,752</u>

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 83 hingga 151 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER 2016

		KUMPULAN		
Aset		31.12.2016	31.12.2015 (Dinyatakan semula)	1.1.2015 (Dinyatakan semula)
Aset bukan semasa	Nota	RM	RM	RM
Hartanah, loji dan peralatan	10	627,387,753	229,975,250	256,747,367
Hartanah, loji dan peralatan pelabuan	11	94,736,321	89,685,528	92,145,326
Inventori	12	238,883,188	258,327,100	261,153,028
Kepentingan dalam syarikat subsidiari	13	-	-	-
Kepentingan dalam syarikat bersekutu	14	10,390,119	14,691,480	20,919,631
Kepentingan dalam syarikat entiti usahasama	15	-	-	-
Pelaburan hartanah	16	10,458,878	10,624,391	16,119,271
Pelaburan lain	17	51,132,384	84,435,843	196,916,301
Pelaburan sekuriti	18	3,091,096	12,647,733	13,139,354
Muhibbah	19	74,390,653	74,290,092	74,290,092
		<u>1,110,470,392</u>	<u>774,677,417</u>	<u>931,430,370</u>
Aset semasa				
Inventori	12	287,199,611	249,319,068	193,265,763
Penghutang perdagangan	20	50,003,000	51,128,134	64,044,885
Pelbagai penghutang	21	121,230,138	40,496,726	35,424,211
Cukai boleh pulih		13,073,429	7,805,830	7,560,145
Pelaburan jangka pendek	22	1,819,813	14,621,927	904,214
Tunai dan baki di bank	23	106,428,971	128,152,996	129,034,252
		<u>579,754,962</u>	<u>491,524,681</u>	<u>430,233,470</u>
Jumlah aset		<u>1,690,225,354</u>	<u>1,266,202,098</u>	<u>1,361,663,840</u>

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER 2016
(SAMBUNGAN)**

		KUMPULAN		
		31.12.2016	31.12.2015 (Dinyatakan semula)	1.1.2015 (Dinyatakan semula)
Ekuiti dan tanggungan	Nota	RM	RM	RM
Tanggungan semasa				
Pemiutang perdagangan	24	23,480,731	20,622,792	25,206,442
Pelbagai pemiutang dan akruan	24	89,783,707	94,431,315	101,639,522
Peruntukan kerja dalam kemajuan		447,019	486,098	486,098
Pendapatan tertunda	25	14,679,877	13,228,915	26,968
Pinjaman dan peminjaman	26	192,574,638	54,412,665	129,622,355
Peruntukan cukai		6,225,480	6,709,471	12,351,221
		<u>327,191,452</u>	<u>189,891,256</u>	<u>269,332,606</u>
Aset semasa bersih		<u>252,563,510</u>	<u>291,494,876</u>	<u>160,900,864</u>
Tanggungan bukan semasa				
Pelbagai pemiutang dan akruan	24	16,804,128	13,824,757	-
Pendapatan tertunda	25	970,932	997,899	1,024,868
Pinjaman dan peminjaman	26	305,136,455	18,336,998	23,696,714
Tanggungan cukai tertunda	27	39,574,648	34,569,542	34,646,148
		<u>362,486,163</u>	<u>67,729,196</u>	<u>59,367,730</u>
Jumlah liabiliti		<u>689,677,615</u>	<u>257,620,452</u>	<u>328,700,336</u>
Aset bersih		<u>1,000,547,739</u>	<u>1,008,581,646</u>	<u>1,032,963,504</u>
Ekuiti yang berkaitan dengan pemilik syarikat induk				
Rizab modal	28	-	4,816,556	4,816,556
Geran kerajaan	29	-	-	19,000,079
Rizab tabungan sosial		-	-	14,833,766
Rizab nilai saksama pelaburan	30	23,694,449	9,557,569	42,446,406
Keuntungan terkumpul		<u>532,376,004</u>	<u>531,712,849</u>	<u>510,552,714</u>
		<u>556,070,453</u>	<u>546,086,974</u>	<u>591,649,521</u>
Pegangan bukan kawalan		<u>444,477,286</u>	<u>462,494,672</u>	<u>441,313,983</u>
Jumlah ekuiti		<u>1,000,547,739</u>	<u>1,008,581,646</u>	<u>1,032,963,504</u>
Jumlah ekuiti dan tanggungan		<u>1,690,225,354</u>	<u>1,266,202,098</u>	<u>1,361,663,840</u>

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 83 hingga 151 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016
(SAMBUNGAN)**

Aset	Nota	PERBADANAN	
		31.12.2016	31.12.2015
Aset bukan semasa		RM	RM
Hartanah, loji dan peralatan	10	39,575,406	43,738,210
Inventori	12	29,804,537	30,443,674
Kepentingan dalam syarikat subsidiari	13	342,431,257	322,431,255
Kepentingan dalam syarikat bersekutu	14	-	-
Kepentingan dalam syarikat entiti usahasama	15	-	-
Pelaburan hartanah	16	-	-
Pelaburan lain	17	9,405,594	12,092,296
Pelaburan sekuriti	18	-	-
Muhibbah	19	-	-
		421,216,794	408,705,435
Aset semasa			
Inventori	12	54,231,627	34,590,844
Penghutang perdagangan	20	1,360,259	4,744,337
Pelbagai penghutang	21	124,272,601	126,385,232
Cukai boleh pulih		-	-
Pelaburan jangka pendek	22	637,242	614,423
Tunai dan baki di bank	23	4,531,273	5,511,883
		185,033,002	171,846,719
Jumlah aset		606,249,796	580,552,154

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016
(SAMBUNGAN)**

	Nota	PERBADANAN	
		31.12.2016 RM	31.12.2015 RM
Ekuiti dan tanggungan			
Tanggungan semasa			
Pelbagai pemiutang dan akruan	24	101,686,383	78,263,638
Pendapatan tertunda	25	5,033,966	26,968
Pinjaman dan peminjaman	26	40,520,000	40,520,000
Peruntukan cukai		1,255,161	4,528,500
		<u>148,495,510</u>	<u>123,339,106</u>
Aset semasa bersih		<u>23,353,048</u>	<u>48,509,452</u>
Tanggungan bukan semasa			
Pelbagai pemiutang dan akruan	24	10,554,128	13,400,229
Pendapatan tertunda	25	970,932	997,899
		<u>11,525,060</u>	<u>14,398,128</u>
Jumlah liabiliti		<u>160,020,570</u>	<u>137,737,234</u>
Aset bersih		<u>446,229,226</u>	<u>442,814,920</u>
Ekuiti yang berkaitan dengan pemilik syarikat induk			
Rizab modal	28	-	4,816,556
Geran kerajaan	29	-	-
Rizab nilai saksama pelaburan	30	1,501,409	4,188,141
Keuntungan terkumpul		<u>444,727,817</u>	<u>433,810,223</u>
Jumlah ekuiti		<u>446,229,226</u>	<u>442,814,920</u>
Jumlah ekuiti dan tanggungan		<u>606,249,796</u>	<u>580,552,154</u>

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 83 hingga 151 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Jumlah Ekuiti RM	Ekuiti Jumlah Induk RM	Rizab Modal RM	Geran Kerajaan RM	Rizab Tabung Sosial RM	Keuntungan Terkumpul RM	Rizab Nilai Saksama Pelaburan RM	Pegangan Bukan Kawalan RM
2016								
KUMPULAN								
Pada 1 Januari 2015	1,030,891,626	589,577,643	4,816,556	19,000,079	14,833,766	508,480,836	42,446,406	441,313,983
Pelarasan tahun lepas	2,071,878	2,071,878	-	-	-	2,071,878	-	-
Dinyatakan semula	1,032,963,504	591,649,521	4,816,556	19,000,079	14,833,766	510,552,714	42,446,406	441,313,983
Tambahan/(Kurangan)	(46,543,506)	(31,923,191)	-	(19,000,079)	(14,833,766)	1,910,654	-	(14,620,315)
Jumlah pendapatan komprehensif								
-Seperti yang dinyatakan sebelum	48,349,482	(1,944,192)	-	-	-	30,944,645	(32,888,837)	50,293,674
-Pelarasan tahun lepas	(2,618,794)	(2,618,794)	-	-	-	(2,618,794)	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif	45,730,688	(4,562,986)	-	-	-	28,325,851	(32,888,837)	50,293,674
Dividen dibayar kepada pegangan bukan kawalan	(14,492,670)	-	-	-	-	-	-	(14,492,670)
Pengagihan dana kepada kerajaan negeri	(9,076,370)	(9,076,370)	-	-	-	(9,076,370)	-	-
Pada 31 Disember 2015 (Dinyatakan semula)	1,008,581,646	546,086,974	4,816,556	-	-	531,712,849	9,557,569	462,494,672
Tambahan/(Kurangan)	(16,218,543)	12,800,173	(4,816,556)	-	-	-	17,616,729	(29,018,716)
Jumlah pendapatan komprehensif	17,564,547	3,253,983	-	-	-	6,733,832	(3,479,849)	14,310,564
Perubahan kepada pemilikan dalam subsidiari	929,323	929,323	-	-	-	929,323	-	-
Dividen dibayar kepada pegangan bukan kawalan	(3,309,234)	-	-	-	-	-	-	(3,309,234)
Pengagihan dana kepada kerajaan negeri	(7,000,000)	(7,000,000)	-	-	-	(7,000,000)	-	-
Pada 31 Disember 2016	1,000,547,739	556,070,453	-	-	-	532,376,004	23,694,449	444,477,286

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 83 hingga 151 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

PERBADANAN

Pada 1 Januari 2015

Tambahan/(Kurangan)
Jumlah pendapatan komprehensif
Pengagihan dana kepada kerajaan negeri

Pada 31 Disember 2015

Tambahan/(Kurangan)
Jumlah pendapatan komprehensif
Pengagihan dana kepada kerajaan negeri

Pada 31 Disember 2016

	Jumlah Ekuiti RM	Rizab Modal RM	Geran Kerajaan RM	Rizab Tabung Sosial RM	Keuntungan Terkumpul RM	Rizab Nilai Saksama Pelaburan RM
Pada 1 Januari 2015	475,991,383	4,816,556	19,000,079	14,833,766	434,996,677	2,344,305
Tambahan/(Kurangan)	(33,833,845)	-	(19,000,079)	(14,833,766)	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif	9,733,752	-	-	-	7,889,916	1,843,836
Pengagihan dana kepada kerajaan negeri	(9,076,370)	-	-	-	(9,076,370)	-
Pada 31 Disember 2015	442,814,920	4,816,556	-	-	433,810,223	4,188,141
Tambahan/(Kurangan)	(4,816,556)	(4,816,556)	-	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif	15,230,862	-	-	-	17,917,594	(2,686,732)
Pengagihan dana kepada kerajaan negeri	(7,000,000)	-	-	-	(7,000,000)	-
Pada 31 Disember 2016	446,229,226	-	-	-	444,727,817	1,501,409

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 83 hingga 151 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
Aktiviti-aktiviti operasi				
Penerimaan dari penghutang	142,553,720	140,187,584	56,745,623	30,324,706
Penerimaan/bayaran daripada/ kepada induk/ berkaitan	-	-	2,875,273	9,251,201
Penerimaan daripada pelbagai pendapatan	7,041,061	2,543,985	2,037,623	1,953,512
Bayaran untuk pekerja	(61,670,208)	(48,464,722)	(13,569,745)	(13,116,660)
Bayaran untuk pelbagai perbelanjaan	(49,711,038)	(31,124,163)	(13,810,867)	(8,961,358)
Bayaran kepada pembekal/ pemiutang	(109,000,070)	(82,509,954)	-	(1,940,843)
Bayaran cukai	(21,906,785)	(26,996,413)	(3,559,951)	(5,900,524)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	(92,693,320)	(46,363,683)	30,717,956	11,610,034
Aktiviti-aktiviti pelaburan				
Dividen diterima	437,353	5,867,006	4,286,909	16,258,170
Faedah diterima	5,721,287	4,191,729	497,750	171,316
Hasil daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	10,160,851	3,033,507	-	-
Hasil daripada pelupusan pelaburan	12,790,014	192,949,106	-	-
Hasil daripada pelupusan operasi lain	29,346,414	(68,193)	-	-
Pembelian pelaburan lain	(1,100,000)	(3,048,828)	-	-
Pembelian hartanah, loji	(81,348,254)	(12,882,300)	-	(526,169)
Pembelian kemudahan pelabuhan	(8,180,218)	(2,448,163)	-	-
Pembelian kos pembangunan	(38,687,780)	(22,234,729)	(36,687,742)	(16,681,006)
Aliran tunai bersih daripada (digunakan) aktiviti pelaburan	(70,860,333)	165,359,135	(31,903,083)	(777,689)
Aktiviti-aktiviti pembiayaan				
Saham baru dikeluarkan	-	245,000	-	-
Penerimaan pinjaman	196,678,520	-	-	-
Penerimaan rizab/geran	2,734,124	3,051,862	2,734,124	3,051,862
Pembayaran balik pinjaman	(16,970,989)	(87,010,714)	-	(3,084,714)
Dividen dibayar kepada pegangan bukan kawalan	(18,309,233)	(14,492,670)	-	-
Pembayaran sewabeli	(88,700)	(261,318)	-	-
Sumbangan kepada kerajaan negeri	-	(7,000,000)	-	(7,000,000)
Pembayaran faedah	(24,580,822)	(5,136,042)	(2,529,607)	(2,365,369)
Deposit tetap ditebus semula/(ditempatkan)	7,351,971	(20,459)	-	-
Deposit tetap dicagarkan	-	2,400,736	-	-
Aliran tunai bersih (digunakan) oleh aktiviti pembiayaan	146,814,871	(108,223,605)	204,517	(9,398,221)

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2016	2015 (Dinyatakan semula)	2016	2015
	RM	RM	RM	RM
Peningkatan / (pengurangan) bersih dalam tunai dan setara tunai	(16,738,782)	10,771,849	(980,610)	1,434,124
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	113,988,327	103,216,478	5,511,883	4,077,759
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	97,249,545	113,988,327	4,531,273	5,511,883
 Tunai dan setara tunai terdiri daripada:				
Wang tunai dan baki dibank	47,609,761	39,036,922	4,531,273	5,511,883
Deposit dengan bank berlesen	58,819,210	89,116,073	-	-
	106,428,971	128,152,995	4,531,273	5,511,883
Deposit dengan bank berlesen dengan tempoh matang lebih daripada tiga bulan	-	(21,657)	-	-
Deposit yang dicagarkan untuk jaminan dan kemudahan perbankan lain yang diberikan kepada subsidiari	(5,507,820)	(12,838,134)	-	-
Overdraif	(3,671,606)	(1,304,877)	-	-
	97,249,545	113,988,327	4,531,273	5,511,883

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 83 hingga 151 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016

1.0 Maklumat Korporat

Kegiatan utama Perbadanan adalah menaja pembangunan infrastruktur hartanah & bandar baru, pembangunan pengilangan, penggalakkan perindustrian, perhotelan & pelancongan dan penggalakkan pembangunan ICT samada melalui usahasama atau sendirian serta memiliki & mengurus pelaburan dalam syarikat-syarikat.

Perbadanan telah diwujudkan melalui Enakmen Negeri Perak No. 3/1967 dengan tujuan utama sebagai agensi pembangunan ekonomi bagi Negeri Perak.

Perbadanan menjalankan aktivitinya di alamat berdaftar No1-A, Blok A dan Blok B, Menara PKNP, Jalan Meru Casuarina, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu dinyatakan dalam Nota 13 dan 14 kepada penyata kewangan.

Penyata Kewangan Perbadanan dilaporkan di dalam Ringgit Malaysia sebagai mata wang fungsian.

2.0 Asas penyediaan

Penyata kewangan Perbadanan dan Kumpulan telah disediakan berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

Berikut adalah piawaian perakaunan, pembetulan dan interpretasi MFRS yang telah dikeluarkan oleh Badan Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") namun tidak digunapakai oleh Perbadanan dan Kumpulan;

MFRSs, Interpretasi dan pembetulan berkuatkuasa untuk tempoh kewangan pada atau selepas 1 Januari 2017

- Pembetulan MFRS 12, Nota tambahan untuk kepentingan dalam entiti lain (Penambahbaikan tahunan kepada piawaian MFRS 2014-2016)
- Pembetulan MFRS 107, Penyata Aliran Tunai
- Pembetulan MFRS 112, Cukai-Pengiktirafan aset cukai tertunda bagi kerugian yang tidak direalisasikan

MFRSs, Interpretasi dan pembetulan berkuatkuasa untuk tempoh kewangan pada atau selepas 1 Januari 2018

- MFRS 9, Instrumen kewangan (2014)
- MFRS 15, Hasil dari kontrak dengan pelanggan
- Penjelasan kepada MFRS 15, Hasil dari kontrak dengan pelanggan
- IC Interpretasi 22, Urus niaga mata wang asing dan pertimbangan terdahulu
- Pembetulan MFRS 1, Menerima pakai piawaian laporan kewangan malaysia buat kali pertama
- Pembetulan MFRS 2, Bayaran berasaskan perkongsian-klasifikasi dan ukuran kepada bayaran berasaskan perkongsian
- Pembetulan MFRS 4, Kontrak insuran-menggunapakai MFRS 9 Instrumen kewangan bersama MFRS 4 Kontrak insuran
- Pembetulan MFRS 128, Pelaburan dalam syarikat bersekutu and syarikat usaha sama
- Pembetulan MFRS 140, Pelaburan hartanah-pemindahan pelaburan hartanah

2.0 Asas penyediaan

MFRSs, Interpretasi dan pembetulan berkuatkuasa untuk tempoh kewangan pada atau selepas 1 Januari 2019

- MFRS 16, Pajak

MFRSs, Interpretasi dan pembetulan berkuatkuasa untuk tempoh kewangan pada atau selepas satu tarikh yang belum dipastikan lagi

- Pembetulan MFRS 10, Laporan penyata kewangan disatukan
- Pembetulan MFRS 128, Penjualan aset antara pelabur, bersekutu atau usaha sama

Pemakaian awal piawaian perakaunan, pindaan atau tafsiran ini dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan yang besar pada tempoh semasa dan penyata kewangan masa terdahulu kumpulan kecuali yang disebutkan di bawah:

MFRS 9, Instrumen kewangan

MFRS 9 akan menggantikan MFRS 139, Instrumen kewangan: Pengiktirafan dan pengukuran mengenai klasifikasi dan pengukuran aset dan liabiliti kewangan, dan perakaunan lindung nilai.

MFRS 15, Hasil dari kontrak dengan pelanggan

MFRS 15 menggantikan MFRS 111, Kontrak binaan, MFRS 118, Hasil, IC Interpretasi 13, Program setia pelanggan, IC Interpretasi 15, Perjanjian untuk kontrak dengan hartanah, IC Interpretasi 18, Pindahan aset dari Pelanggan dan IC Interpretasi 131, Hasil-Urusniaga barter yang melibatkan perkhidmatan pengiklanan

MFRS 16, Pajak

MFRS 16 menggantikan MFRS 117, Pajak, IC Interpretasi 4, Penentuan samada perkiraan mengandungi pajak, IC Interpretasi 115, Operasi pajak-insentif dan IC Interpretasi 127, Menilai bahan dalam urusniaga yang melibatkan satu bentuk undang-undang dalam pajak.

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan Perbadanan telah disediakan berdasarkan asas konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya sebagaimana dinyatakan dalam dasar-dasar perakaunan utama di bawah dan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

(b) Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Perbadanan dan penyata kewangan pengurusan atau beraudit subsidiari pada tarikh laporan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam nota 13 dan 14 kepada Penyata Kewangan. Urusniaga di antara syarikat telah dihapuskira semasa penyatuan dan akaun-akaun disatukan hanya mencerminkan urusniaga dengan pihak ketiga sahaja.

Polisi perakaunan yang diguna pakai oleh Perbadanan dan syarikat anak adalah berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS).

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(c) Subsidiari (sambungan)

Subsidiari adalah entiti di mana Perbadanan mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Dalam Penyata Kedudukan Kewangan Perbadanan, pelaburan dalam subsidiari diambil kira pada kos ditolak rosot nilai terkumpul. Subsidiari disatukan berdasarkan kaedah pengambilalihan atau perakaunan ekuiti. Hasil kendalian subsidiari diperolehi atau dilupuskan dalam tahun kewangan semasa termasuk di dalam penyata kewangan disatukan bermula pada tarikh efektif pemerolehan atau pada tarikh pelupusan dan keputusan syarikat subsidiari yang diambilalih atau dijual di sepanjang tahun ini diambil kira dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh penjualan.

Perbezaan di antara pengambilalihan dan nilai saksama harta bersih subsidiari ditunjukkan mengikut kesesuaian sebagai muhibbah atau rizab atas penyatuan. Subsidiari disatukan dari tarikh pengambilalihan, iaitu tarikh di mana Perbadanan mempunyai kuasa dan akan terus disatukan sehingga tarikh kawalan tersebut tamat. Jumlah keuntungan dan/atau kerugian subsidiari dimasukkan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan dan bahagian keuntungan dan/atau kerugian pemegang saham minoriti ditolakkan untuk memperoleh keuntungan yang boleh diagihkan kepada Perbadanan. Manakala jumlah aset dan tanggungan subsidiari dimasukkan ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan kepentingan pemegang saham minoriti dalam aset bersih dinyatakan secara berasingan. Semua urusan niaga dan baki syarikat dihapuskan semasa penyatuan.

Subsidiari Perbadanan disenaraikan di dalam nota 13 kepada Penyata Kewangan.

(d) Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti bukan subsidiari atau usahasama, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh besar dalam pengurusanannya. Syarikat bersekutu adalah ekuiti yang diambil kira dari tarikh Kumpulan mempunyai pengaruh penting sehingga tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu.

Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu diambil kira dengan menggunakan kaedah ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu dikira dalam penyata kedudukan kewangan pada kos ditambah bahagian keuntungan terkumpul dan rizab/muhibbah selepas pengambilalihan.

Dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan, bahagian keuntungan atau kerugian berdasarkan penyata kewangan pengurusan atau penyata kewangan beraudit untuk syarikat bersekutu dimasukkan dalam penyata pendapatan disatukan. Tetapi sekiranya nilai bersih pelaburan dalam syarikat bersekutu mencapai tahap sifar, sebarang keuntungan atau kerugian tidak akan dimasukkan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan kecuali jika Kumpulan menanggung tanggungjawab atau menjamin tanggungjawab bagi syarikat bersekutu berkenaan.

Syarikat bersekutu Kumpulan disenaraikan di dalam nota 14 kepada Penyata Kewangan.

(e) Entiti Usahasama

Entiti usahasama adalah usahasama yang melibatkan penubuhan perkongsian atau entiti lain di mana Kumpulan mempunyai kepentingan bersama ke atas aktiviti ekonomi secara persetujuan kontrak. Pelaburan dalam entiti usahasama diambil kira dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan menggunakan kaedah ekuiti.

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(e) Entiti Usahasama

berdasarkan penyata kewangan pengurusan atau beraudit untuk entiti usahasama tersebut. Mengikut kaedah perakaunan ekuiti, bahagian keuntungan Kumpulan ditolak kerugian usahasama dalam tahun dimasukkan ke dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan. Kepentingan Kumpulan di dalam entiti usahasama dinyatakan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan pada kos dicampur perkongsian kumpulan dalam keuntungan atau kerugian terkumpul dan lain-lain rizab semasa pengambilalihan.

Syarikat entiti usahasama Kumpulan disenaraikan di dalam nota 15 kepada Penyata Kewangan.

(f) Urus Niaga dengan Kepentingan Minoriti

Kepentingan minoriti mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset bersih dalam subsidiari yang tidak dipegang secara langsung atau tidak langsung oleh Kumpulan. Kepentingan minoriti dibentangkan secara berasingan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan, di dalam Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan secara berasingan daripada ekuiti pemegang saham induk.

(g) Muhibbah

Muhibbah pada mulanya diukur pada kos. Berikutan pengiktirafan awal, muhibbah diukur pada kos ditolak kerugian rosotnilai terkumpul. Bagi tujuan pengujian kemerosotan nilai, muhibbah yang diperoleh diperuntukkan, dari tarikh pengambilalihan, kepada setiap unit penajaan tunai Kumpulan yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi kombinasi tersebut. Muhibbah diuji untuk kejejasan sekurang-kurangnya setiap tahun atau jika perkembangan ataupun persekitaran yang terjadi mencerminkan kejejasan mungkin berlaku.

(h) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Kos sesuatu hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perkara tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos tersebut boleh diukur dengan pasti.

Selepas pengiktirafan, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan yang dipegang dan tidak digunakan adalah dinyatakan pada nilai buku bersih pada tarikh penggunaan aktif dihentikan, jika ada.

Tanah pegangan kekal mempunyai hayat tidak terhad dan maka dengan itu ianya tidak disusutnilaikan. Susut nilai hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan atas asas garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat bergunanya pada kadar tahunan berikut:

Bangunan dan rumah kedai	50 tahun
Kilang dan Jentera	5 -10 tahun
Peralatan pejabat	5 -10 tahun
Perabot dan kelengkapan	5 -20 tahun
Kenderaan bermotor	4 -10 tahun
Pengubahsuaian	50 tahun
Panel solar	20 tahun

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(h) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai (sambungan)

Aset di bawah modal kerja dalam pelaksanaan tidak disusutnilai kerana aset-aset masih belum sedia untuk digunakan.

Nilai bawaan hartanah, loji dan peralatan disemak semula untuk rosotnilai apabila wujud keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa tidak boleh diperolehi semula.

Nilai sisa, hayat berguna dan kaedah susutnilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan untuk memastikan amaun dan kaedah susutnilai adalah menepati jangkaan corak penggunaan manfaat ekonomi masa hadapan yang terkandung di dalam item hartanah, loji dan peralatan.

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan sesuatu aset. Kos aset yang dibina sendiri adalah termasuk kos bahan, kos buruh langsung dan kos yang terlibat secara langsung bagi membolehkan aset itu berfungsi mengikut tujuan kegunaannya, juga kos membuka, memindahkan dan memulihkan tapak lokasi aset itu.

(i) Kemudahan Pelabuan

Kemudahan pelabuan adalah dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Semua perbelanjaan, yang dikaitkan dengan pembangunan kemudahan termasuk kos faedah dipermodalkan yang dilunaskan sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Kadar tahunan utama susutnilai adalah:

Tanah pegangan pajakan pelabuan	melebihi 99 tahun
Struktur pelabuan	melebihi 10 - 50 tahun
Peralatan pelabuan	melebihi 10 - 20 tahun

Pelunasan struktur pelabuan adalah berdasarkan kaedah hasil di mana kos dilunaskan berdasarkan jumlah hasil sebenar pada tahun ke atas jumlah pendapatan yang dijangkakan yang akan dijana daripada operasi pelabuan dalam tempoh anggaran hayat kegunaannya.

(j) Pelaburan Hartanah

Hartanah pelaburan adalah harta yang dipegang untuk memperolehi pendapatan sewa atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Harta itu pada mulanya dinilai pada kos, termasuk kos transaksi. Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Pelaburan hartanah meliputi bangunan pejabat dan industri yang tidak digunakan oleh Perbadanan atau Kumpulan. Tanah pegangan kekal mempunyai hayat tidak terhad dan maka dengan itu ianya tidak disusutnilaikan. Susutnilai bangunan di atas tanah pegangan bebas dengan menggunakan asas garis lurus untuk menghapus kira kos harta itu kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat bergunanya pada kadar 2% setahun.

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(j) Pelaburan Hartanah

Pelaburan hartanah tidak lagi diiktiraf apabila ia telah dilupuskan atau apabila ia tidak lagi digunakan dan tiada manfaat ekonomi dijangka daripada pelupusan tersebut. Sebarang keuntungan atau kerugian dari pelupusan pelaburan hartanah diiktiraf dalam Penyata Pelupusan Komprehensif dalam tahun pelupusan.

(l) Inventori

i) Hartanah dan Kos Pembangunan Hartanah

Hartanah dan kos pembangunan hartanah terdiri daripada tanah di mana aktiviti pembangunan telah dijalankan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi biasa. Tanah tersebut diklasifikasikan sebagai bukan semasa dan dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Hartanah dipegang untuk pembangunan hartanah dikelaskan semula sebagai kos pembangunan hartanah apabila aktiviti pembangunan telah bermula dan di mana ia menunjukkan bahawa aktiviti pembangunan boleh disiapkan dalam kitaran operasi biasa iaitu dalam 2 hingga 3 tahun. Kos termasuk dalam pengambilalihan tanah adalah harga belian tanah, yuran professional, duti setem, komisen, yuran pertukaran dan lain-lain levi yang berkaitan.

Kos pembangunan hartanah adalah termasuk kos pengambil-alihan tanah dan semua kos yang terlibat dalam aktiviti pembangunan tanah tersebut. Kos pembangunan hartanah yang tidak dianggap belanja akan direalisasikan sebagai aset.

ii) Lain-lain inventori

Inventori dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih.

Kos ditentukan dengan menggunakan asas purata wajar. Kos peralatan dan alat ganti terdiri daripada kos pembelian dan kos membawa inventori ke lokasi mereka. Inventori merangkumi rumah, rumah kedai dan bangunan kilang yang telah siap dibina untuk dijual. Hartanah siap dipegang untuk dijual dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan nilai pasaran bersih. Kos ditentukan kaedah pengenalan khusus termasuk kos tanah, pembinaan dan belanja pembangunan yang sewajarnya.

Lain-lain inventori termasuk alatan dan barangan lebihan yang dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan nilai pasaran bersih. Kos bagi lain-lain inventori adalah ditentukan daripada kos belian campur semua kos yang terlibat untuk menghasilkan alatan atau barangan tersebut.

(m) Kos Pinjaman

Kos pinjaman akan dianggap sebahagian daripada modal aset apabila ia digunakan untuk membeli, membina, dan menghasilkan aset tersebut bagi menyediakan aset tersebut seperti yang dikehendaki untuk kegunaan atau untuk tujuan jualan.

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(m) Kos Pinjaman

Kos pinjaman yang lain daripada tujuan tersebut di atas adalah dianggap sebagai belanja dalam untung rugi pada masa ia ditanggung.

(n) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Perbadanan menjadi pihak yang terlibat kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Instrumen kewangan diukur pada nilai saksama, dalam kes aset kewangan bukan pada nilai saksama ia diukur pada kos urusniaga langsung. Kumpulan dan Perbadanan menentukan klasifikasi instrumen kewangan pada pengiktirafan awal. Ia boleh diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut dasar dalam perjanjian kontrak, faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan tersebut. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti dicajkan terus ke ekuiti. Jika diklasifikasikan sebagai liabiliti, ia akan terus dilaporkan sebagai belanja dan pendapatan. Instrumen kewangan boleh diselaraskan apabila Perbadanan mempunyai hak di sisi undang-undang untuk dikontra dan berniat untuk menjelaskannya samada secara bersih atau merealisasikan aset dan menjelaskan liabiliti secara serentak. Instrumen kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Perbadanan menjadi pihak yang terlibat kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

(i) Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank dan deposit dengan institusi kewangan berlesen, tetapi tidak termasuk deposit dengan institusi kewangan berlesen yang telah dicagarkan untuk jaminan dan kemudahan bank lain yang diberikan kepada Kumpulan dan Perbadanan sebagai cagaran, dan overdraf bersih bank yang belum dijelaskan.

(ii) Pinjaman dan Penghutang

Penghutang dinyatakan pada kadar nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lapuk dihapuskan apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan semakan yang dibuat ke atas baki yang belum dijelaskan pada tarikh kedudukan kewangan.

(iii) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama jumlah yang akan dibayar pada masa depan untuk belian dan perkhidmatan yang diterima.

(iv) Ekuiti

Saham biasa dinyatakan sebagai ekuiti. Dividen ke atas saham biasa diiktiraf di dalam ekuiti pada tahun ianya diisytiharkan dan diluluskan untuk pembayaran.

(v) Pelaburan Sekuriti

Pasaran sekuriti tersiar harga yang diklasifikasikan sebagai pelaburan sekuriti selepas mengambil kira rosot nilai termasuk aset kewangan yang sedia dijual.

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(o) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Perbadanan dan Kumpulan mempunyai tanggungjawab hasil daripada peristiwa yang lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan tanggungjawab tersebut dan jumlah tanggungjawab tersebut boleh dianggarkan dengan pasti. Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Jika didapati aliran keluar sumber ekonomi tidak lagi diperlukan untuk menyelesaikan tanggungjawab tersebut, peruntukan yang telah dibuat akan dibalikkan. Jika kesan nilai masa wang adalah ketara, peruntukan didiskaunkan dengan menggunakan kadar semasa sebelum cukai yang memberi kesan risiko tanggungan. Apabila pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

(p) Tanggungan

Tanggungan berupa pinjaman, pemiutang perdagangan dan pelbagai pemiutang yang dinyatakan pada kos.

(q) Faedah Pekerja

(i) Faedah Jangka Pendek

Gaji pokok, bonus, elaun bantuan sara hidup, elaun khidmat awam dan elaun perumahan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja Kumpulan. Ketidakhadiran terkumpul diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketidakhadiran dimasa hadapan akan diberi pampasan dan ketidakhadiran diberi pampasan tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan Caruman Wajib

Perbadanan dan syarikat subsidiari membuat sumbangan bulanan sebanyak 17.5% daripada gaji pokok kakitangan yang layak kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen sebagai pencen. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan komprehensif apabila ia tertanggung. Perbadanan dan subsidiari juga membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") menurut peruntukan undang-undang Malaysia.

(iii) Manfaat Pemberhentian

Subsidiari dalam kumpulan akan membayar manfaat pemberhentian apabila kakitangan ditamatkan perkhidmatannya sebelum tamat tempoh persaraannya atau apabila kakitangan itu menerima pemberhentian secara sukarela sebagai pertukaran manfaat ini. Kumpulan mengiktiraf manfaat pemberhentian apabila ia komited sama ada menamatkan perkhidmatan pekerja sedia ada mengikut pelan rasmi terperinci tanpa ada kemungkinan penarikan semula dibuat atau menyediakan manfaat pemberhentian hasil daripada tawaran yang dibuat untuk menggalakkan pemberhentian sukarela.

(r) Pajakan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai pajakan kewangan apabila kesemua risiko dan manfaat dipindahkan kepada Perbadanan dan Kumpulan. Semua pajakan lain dianggap sebagai pajakan operasi. Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan yang berkaitan. Manfaat insentif agregat yang diberikan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(r) **Pajakan**
atas asas garis lurus.

(s) **Harta Pajakan**

Harta pajakan diperolehi di bawah perjanjian pajakan kewangan adalah dipermodalkan. Polisi susutnilai bagi harta tersebut adalah sama sebagaimana dikira bagi lain-lain harta kumpulan. Hutang patut dibayar yang belum dijelaskan dibawah perjanjian pajakan selepas ditolak perbelanjaan kewangan adalah dikira sebagai tanggungan di dalam akaun. Perbelanjaan kewangan bagi sewa pajakan adalah dikenakan kepada Penyata Pendapatan Komprehensif atas jangka masa mengikut perjanjian masing-masing.

(t) **Pendapatan**

Pendapatan diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi akan mengalir kepada Perbadanan dan Kumpulan dan pendapatan boleh dianggarkan dengan pasti. Pendapatan diukur pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau belum diterima.

(i) **Pendapatan Dividen**

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran ditentukan.

(ii) **Penjualan Tanah Pembangunan Pelabuhan**

Hasil berkaitan dengan penjualan tanah pembangunan pelabuhan diiktiraf atas peratusan siap. Pendapatan dari jualan tanah kosong lain diiktiraf apabila risiko dan ganjaran pemilikan telah dipindahkan kepada peringkat akhir perjanjian jual beli.

(iii) **Jualan Hartanah**

Pendapatan jualan dikira oleh subsidiari pada nilai saksama harga jualan kontrak, yang akan diterima dan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif bila sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan telah berpindah kepada pembeli.

(iv) **Jualan Inventori**

Pendapatan berkaitan dengan jualan barangan diiktiraf selepas diskaun dan rebat apabila pemindahan risiko dan ganjaran telah siap.

(v) **Yuran Pengurusan**

Yuran pengurusan berkenaan dengan perkhidmatan pengurusan yang disediakan oleh Perbadanan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan.

(vi) **Bayaran Pengurusan**

Bayaran pengurusan bagi projek *turnkey* diambil kira mengikut peratusan penyempurnaan.

(vii) **Pendapatan Sewa**

Pendapatan sewa dari ruang niaga kompleks perniagaan, pajakan tanah dan chalet yang diiktiraf sepanjang tempoh penyewaan atau pajakan.

(viii) **Operasi yang Berkaitan Hotel**

Pendapatan daripada operasi hotel terdiri daripada sewa bilik hotel, jualan makanan dan minuman dan lain-lain pendapatan berkaitan diiktiraf apabila

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(viii) Perkhidmatan Pelabuhan

Pendapatan daripada perkhidmatan pelabuhan dan penyediaan perkhidmatan kontena diukur pada nilai saksama yang akan diterima dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Pendapatan daripada operasi dan penyelenggaraan terminal pukat laut dalam diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian atas dasar akrual.

(x) Yuran Mobilisasi

Yuran Mobilisasi diiktiraf atas dasar penerimaan.

(xi) Pendapatan Kontrak

Pendapatan kontrak pembinaan harga tetap jangka masa pendek hanya diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif apabila kerja kontrak tersebut selesai. Pendapatan kontrak jangka masa panjang diambil kira berdasarkan kaedah penyempurnaan iaitu bahagian kos kontrak dikenakan untuk kerja kontrak dibuat sehingga kini yang menggambarkan hasil kerja dibuat daripada anggaran kos keseluruhan kontrak. Anggaran kerugian kontrak diambil kira serta merta dalam penyata pendapatan komprehensif.

(u) Cukai Pendapatan

(i) Cukai Semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan diperolehi semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau dalam ekuiti.

(ii) Cukai Tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh laporan antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa untuk tujuan laporan kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali:

- mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal muhibbah atau aset atau liabiliti dalam urusanniaga yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa urusanniaga, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai atau kerugian dan
- berkenaan dengan perbezaan sementara boleh cukai berkaitan dengan pelaburan dalam subsidiari, syarikat bersekutu dan kepentingan dalam usaha sama, di mana masa pembalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan terdapat kemungkinan bahawa perbezaan sementara tersebut tidak akan berbalik pada masa hadapan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, membawa ke hadapan kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai tidak digunakan, setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh ditolak, dan dibawa ke hadapan kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai tidak digunakan boleh digunakan kecuali:
 - di mana aset cukai tertunda berkaitan dengan perbezaan sementara boleh dipotong timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusanniaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urusanniaga, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(u) Cukai Pendapatan (sambungan)

(ii) Cukai Tertunda (sambungan)

keuntungan boleh cukai atau kerugian; dan

- berkaitan dengan perbezaan sementara yang boleh ditolak berkaitan dengan pelaburan dalam subsidiari, syarikat bersekutu dan kepentingan dalam usaha sama, aset cukai tertunda diiktiraf hanya setakat yang ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tersebut akan berbalik pada masa hadapan dan keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh digunakan.

Amaun dibawa bagi aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan setakat yang ia tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda digunakan.

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh laporan dan diiktiraf ke tahap di mana ia menjadi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa depan akan membolehkan aset cukai tertunda digunakan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan untuk tahun di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai dan undang-undang cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan. Cukai tertunda berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Cukai tertunda diiktiraf berkaitan dengan urusaniaga asas sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada kombinasi perniagaan diselaraskan dengan muhibbah atas pengambilalihan. Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda diimbangi, jika hak yang sah wujud untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda adalah berkaitan dengan entiti boleh dicukai yang sama dan pihak berkuasa cukai yang sama.

(v) Geran Diterima

Geran pembangunan berkaitan perbelanjaan modal yang diterima daripada kerajaan akan dikreditkan ke Akaun Pendapatan tertunda. Jumlah geran yang diiktiraf sebagai pendapatan adalah berdasarkan kepada usia guna harta yang dibeli menggunakan geran tersebut dan jumlahnya bersamaan dengan caj susutnilai.

Geran pengurusan yang diterima dari kerajaan akan dikreditkan ke akaun rizab dan akaun geran kerajaan. Pendapatan dari geran akan diiktiraf berdasarkan kepada kos perbelanjaan yang ditanggung oleh geran yang tersebut bagi tempoh yang sama.

Geran akan diterima dari kerajaan berkaitan pelaburan dalam harta yang tidak disusutnilai akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam tempoh di mana ia diterima.

(w) Anggaran dan Pertimbangan Penting Perakaunan

Penyediaan penyata kewangan Perbadanan dan subsidiari memerlukan pihak pengurusan untuk membuat penghakiman, penganggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah yang dilaporkan pada penjualan, perbelanjaan, aset dan liabiliti, dan pendedahan tentang tanggungan kontinjen pada tarikh laporan. Walaubagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian ini dan penganggaran boleh menyebabkan keputusan yang memerlukan penyesuaian yang matan kepada nilai bawaan pada aset dan tanggungan yang terjejas pada masa hadapan.

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(w) Anggaran dan Pertimbangan Penting Perakaunan (sambungan)

Anggaran, anggapan mengenai masa depan dan pertimbangan telah dibuat dalam penyediaan kewangan.

Mereka memberi kesan kepada aplikasi polisi perakaunan syarikat, melaporkan jumlah aset, tanggungan, pendapatan dan perbelanjaan dan pendedahan yang dibuat. Mereka dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman sejarah dan lain-lain faktor yang berkaitan, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah di bawah keadaan.

Anggaran-anggaran utama mengenai masa hadapan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh penyata kedudukan kewangan yang mempunyai risiko yang boleh menyebabkan pelarasan ketara terhadap nilai bawaan aset dan tanggungan.

(x) Anggaran Ketidakpastian

(a) Sumber-Sumber Utama daripada Ketidakpastian Anggaran

Tarikh anggaran utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada laporan yang mempunyai risiko ketara yang boleh menyebabkan pelarasan ketara terhadap nilai bawaan aset dan liabiliti-liabiliti dalam tahun kewangan seterusnya dibincangkan seperti di bawah;

(i) Rosotnilai Muhibbah

Kumpulan menentukan sama ada muhibbah merosot sekurang-kurangnya secara tahunan. Ini memerlukan anggaran nilai dalam kegunaan bagi setiap unit janaan tunai ("UJT") di mana muhibbah diagihkan. Dalam menganggarkan nilai dalam kegunaan memerlukan pengurusan membuat anggaran ke atas jangkaan aliran tunai UJT dan juga memilih kadar diskaun sesuai untuk mengira nilai kini aliran tunai tersebut. Amaun bersih bawaan muhibbah pada 31 Disember 2016 adalah RM74,390,653 (2015:RM74,290,092). Menurut piawaian MFRS 127 sebarang perubahan pemilikan dalam subsidiari diakaunkan secara ekuiti. Butir-butir lanjut dinyatakan dalam Nota 19.

(ii) Jangka Hayat Berguna Hartanah, Loji dan Peralatan dan Kemudahan

Kos loji dan peralatan dan kemudahan pelabuhan disusutnilai mengikut asas yang dinyatakan. Pengurusan menganggarkan jangka hayat bangunan dan kemudahan pelabuhan untuk 50 tahun berdasarkan tahap penggunaan yang dijangka. Pengurusan juga menganggarkan bahawa aset-aset ini akan mempunyai nilai baki minimum pada akhir hayat mereka. Perubahan dalam jangkaan tahap penggunaan dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada hayat kegunaan ekonomi dan nilai sisa aset-aset, oleh itu caj susut nilai masa depan boleh disemak semula. Maklumat hartanah, loji dan peralatan dan kemudahan pelabuhan pada tarikh laporan dinyatakan dalam Nota 10 dan 11.

(iii) Pendapatan Cukai

Terdapat pengiraan dan transaksi tertentu untuk penentuan cukai bagi kebiasaan perniagaan. Penilaian yang signifikan terlibat terutamanya dalam menentukan faedah asas pengenaan cukai dan pengurangan kos tertentu dalam menentukan pengiraan cukai pendapatan. Perbadanan dan subsidiari mengakui kewajipan untuk masalah cukai yang diharapkan

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(a) Sumber-Sumber Utama daripada Ketidakpastian Anggaran (sambungan)

(iii) Pendapatan Cukai

berdasarkan anggaran cukai tambahan akan tamat tempoh. Pengiraan terakhir cukai akan berbeza dengan pengiraan awal cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda pada tahun kewangan di mana penentuan tersebut dilakukan.

(iv) Anggaran Ketidakpastian Dalam Melaksanakan Polisi Perakaunan Perbadanan

Di dalam proses melaksanakan polisi perakaunan Perbadanan yang mana pengurusan berpendapat bahawa tidak ada contoh aplikasi penghakiman yang diharapkan mempunyai kesan yang signifikan dalam jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

2.2 Amaun Terhutang Oleh Pelanggan Kontrak

Amaun terhutang oleh pelanggan kontrak pembinaan dinyatakan pada kos ditambah keuntungan diperolehi ditolak bayaran kemajuan dan kerugian dijangka. Kos termasuk semua kos pembinaan langsung dan kos-kos berkaitan. Apabila bayaran kemajuan melebihi jumlah keseluruhan terhutang kepada pelanggan kontrak ditambah keuntungan diperolehi ditolak kerugian dijangka, baki kredit bersih semua kontrak tersebut ditunjukkan di dalam pemiutang perdagangan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan kontrak.

2.3 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Apabila aset kewangan diiktiraf pada mulanya, ia diukur pada nilai saksama, manakala untuk aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, ukuran awalan adalah pada kos urusniaga langsung.

Kumpulan dan Perbadanan menentukan klasifikasi aset kewangan pada pengiktirafan awal, dan kategori termasuk aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, pinjaman dan penghutang, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

(i) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi jika ia dipegang untuk perdagangan atau ditetapkan sebagai sedemikian pada pengiktirafan awal. Aset kewangan dipegang untuk dagangan adalah derivatif (termasuk derivatif tertanam dipisahkan) atau aset kewangan yang diperolehi terutamanya untuk tujuan jualan dalam tempoh terdekat. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dinyatakan pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan bersih atau kerugian bersih atas aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi tidak termasuk perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen.

2.3 Aset Kewangan (sambungan)

(i) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Keuntungan atau Kerugian (sambungan)

Perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen atas aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf secara berasingan dalam keuntungan atau kerugian sebagai sebahagian daripada kerugian lain atau pendapatan lain. Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi boleh dibentangkan sebagai semasa atau bukan semasa. Aset kewangan yang dipegang terutamanya untuk tujuan perdagangan dibentangkan sebagai semasa manakala aset kewangan yang tidak dipegang untuk tujuan perdagangan dibentangkan sebagai semasa atau bukan semasa berdasarkan tarikh penyelesaian.

(ii) Pinjaman dan Penghutang

Aset kewangan dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif dikelaskan sebagai pinjaman dan penghutang.

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan akaun belum terima diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan penghutang tidak lagi diiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan. Pinjaman dan penghutang diklasifikasikan sebagai semasa, kecuali bagi mereka yang mempunyai tarikh matang melebihi 12 bulan selepas tarikh laporan yang dikelaskan sebagai bukan semasa.

(iii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap dikelaskan sebagai dipegang hingga matang apabila Perbadanan mempunyai niat dan keupayaan untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila dipegang hingga matang tidak lagi diiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan.

Dipegang hingga matang dikelaskan sebagai bukan semasa, kecuali bagi mereka yang mempunyai tempoh matang dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan yang dikelaskan sebagai semasa.

(iv) Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Aset kewangan sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang ditetapkan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana tiga kategori sebelum ini.

Selepas pengiktirafan awal, sedia untuk dijual aset-aset kewangan ini diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif, kecuali kerugian kemerosotan nilai, keuntungan dan kerugian pertukaran asing atas instrumen kewangan dan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian sebagai pelarasan klasifikasi semula apabila aset kewangan tidak diiktiraf. Pendapatan faedah dikira menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

2.3 Aset Kewangan (sambungan)

(iv) Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual (sambungan)

Dividen ke atas instrumen ekuiti sedia untuk dijual diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila hak Kumpulan dan Perbadanan untuk menerima bayaran ditentukan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos ditolak kerugian rosotnilai terkumpul. Aset kewangan sedia untuk dijual diklasifikasikan sebagai bukan semasa kecuali jika ia dijangka akan direalisasi dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan.

Aset kewangan tidak diiktiraf apabila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah tamat. Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan antara jumlah bawa dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Belian atau jualan adalah pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh yang amnya ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran berkenaan. Semua belian dan jualan aset kewangan diiktiraf atau tidak diiktiraf pada tarikh dagangan iaitu, tarikh di mana Kumpulan dan Perbadanan komited untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.4 Rosotnilai Aset Kewangan

Perbadanan dan subsidiari menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa harta kewangan telah dirosotnilai.

(i) Penghutang Perdagangan dan Lain Serta Aset Kewangan Lain yang Dibawa Pada Kos Dilunaskan

Kumpulan dan Perbadanan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan ketara penghutang dan keingkaran atau kelewatan dalam pembayaran. Bagi sesetengah kategori aset kewangan, seperti penghutang perdagangan yang telah dinilai sebagai tiada rosotnilai untuk tahun semasa akan dibuat penilaian semula pada tahun berikutnya secara kolektif berdasarkan ciri-ciri risiko yang sama.

Bukti objektif rosotnilai bagi portfolio penghutang adalah setelah mengambilkira pengalaman lepas Kumpulan dan Perbadanan dalam mengutip bayaran, tempoh masa bayaran seperti peningkatan dalam bilangan bayaran lewat yang melebihi tempoh kredit purata dan perubahan dalam keadaan ekonomi negara atau tempatan yang menyebabkan kelalaian penghutang. Jika bukti tersebut wujud, rosotnilai diukur dari perbezaan antara amaun bawaan aset dengan nilai anggaran aliran tunai terdiskaun masa hadapan pada kadar pulangan pasaran semasa aset kewangan tersebut. Kerugian rosotnilai adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan dengan rosotnilai secara langsung untuk semua aset kewangan kecuali penghutang perdagangan, di mana nilai bawaannya dikurangkan melalui akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan tidak dapat dikutip, ia dihapus kira daripada akaun peruntukan.

2.4 Rosotnilai Aset Kewangan (sambungan)

(ii) Ekuiti Sekuriti Tidak Diisytihar Pada Kos

Jika terdapat bukti objektif bahawa rosotnilai ke atas aset kewangan yang dibawa pada kos telah ditanggung, jumlah rosotnilai diukur dari perbezaan antara nilai bawaan aset dan nilai anggaran semasa aliran tunai masa depan yang terdiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa untuk aset kewangan yang serupa. Rosotnilai tersebut tidak dibalikkan semula pada tempoh berikutnya.

(iii) Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung kewajipan dan kehilangan pasaran perdagangan yang aktif adalah pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa sekuriti pelaburan yang dikelaskan sebagai sedia untuk dijual adalah aset kewangan terjejas.

Jika aset kewangan yang sedia untuk dijual nilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih daripada sebarang bayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian kemerosotan nilai sebelum ini diiktiraf dalam untung atau rugi, dipindahkan daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian.

Kerugian rosotnilai pelaburan ekuiti sedia untuk dijual tidak dibalikkan dalam untung rugi dalam tempoh berikutnya. Peningkatan dalam nilai saksama, jika ada, selepas kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Bagi pelaburan hutang sedia untuk dijual, kerugian kemerosotan nilai kemudiannya diterbalikkan dalam keuntungan atau kerugian jika peningkatan dalam nilai saksama pelaburan boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan kerugian kemerosotan dalam keuntungan atau kerugian.

2.5 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

Pada setiap tarikh penyata kewangan, Perbadanan dan subsidiari mengkaji semula Nilai bawaan aset bukan kewangan (selain daripada inventori, cukai tertunda aset dan aset jangka panjang) untuk menentukan samada wujudnya petunjuk yang aset tersebut berkemungkinan telah rosotnilai.

Apabila terdapat tanda-tanda kemerosotan, rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai dibawa harta dengan nilai yang boleh diperolehi dari aset tersebut. Nilai boleh diperolehi dari aset tersebut adalah nilai tertinggi di antara nilai jualan bersih dan nilai penggunaan harta, yang diukur menggunakan aliran tunai yang terdiskaun. Nilai yang boleh diperolehi dianggarkan bagi setiap aset, atau, jika tidak berkemungkinan bagi unit penghasilan harta tunai tersebut.

Kerugian rosotnilai dicajkan kepada penyata pendapatan komprehensif, pertambahan selanjutnya dalam nilai yang boleh diterima ke atas aset tersebut diambilkira sebagai pembalikan semula kerugian rosotnilai terdahulu dan diiktiraf setakat tahap nilai bawaan aset tersebut yang dapat dipastikan (setelah ditolak perlunasan atau susutnilai) seandainya tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula itu diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Muhibbah yang dilupuskan diukur berdasarkan nilai relatif operasi dan bahagian unit penjanaan tunai adalah kekal. Kerugian kemerosotan ke atas muhibbah tidak dibalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

2.6 Tanggungan Kewangan

Tanggungan kewangan dikelaskan mengikut kandungan perjanjian kontrak yang dimeterai dan definisi tanggungan kewangan. Tanggungan kewangan, dalam skop MFRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Tanggungan kewangan diklasifikasikan sebagai tanggungan kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau tanggungan kewangan lain.

- (i) **Tanggungan Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Keuntungan atau Kerugian**
Tanggungan kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian termasuk tanggungan kewangan yang dipegang untuk diniagakan dan tanggungan kewangan yang ditetapkan pada pengiktirafan awal pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Tanggungan kewangan yang dipegang untuk perniagaan termasuk derivatif yang dimasuki oleh Perbadanan dan subsidiari yang tidak memenuhi kriteria pelindung nilai perakaunan.

